

PENYATA RASMI

**MESYUARAT KEDUA BAGI PENGGAL
PERSIDANGAN KEEMPAT DEWAN NEGERI JOHOR KE-12**

HARI KHAMIS

15 SEPTEMBER 2011

BIL. 15 TAHUN 12

HADIR

Y.B. Dato' Speaker,
Dato' Haji Mohd. Ali bin Hassan,
DPMJ., PJN., KMN., PIS., AMN., PPN.

Y.A.B. Dato' Menteri Besar Johor,
Dato' Haji Abdul Ghani bin Othman, DK., SPMJ., PIS.
(Serom);

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan,
Kerja Raya dan Kemudahan Awam Negeri, Johor.
Dato' Haji Ahmad Zahri bin Jamil, DPMJ., PJN., PIS.
(Sri Medan)

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita dan
Keluarga, Kebajikan Masyarakat dan Kesihatan Negeri, Johor.
Dr. Hajah Robia binti Dato' Haji Kosai
(Sungai Balang)

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Agama Negeri, Johor.
Dato' Haji Zainal Abidin bin Haji Osman, SPMJ., KMN., PIS.
(Endau)

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perdagangan Antarabangsa
dan Industri, Tenaga, Air, Komunikasi dan Alam Sekitar Negeri Johor.
Encik Tan Kok Hong @ Tan Yi, JMN., PIS.
(Bekok)

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pertanian dan Industri Asas Tani Negeri, Johor.
Datuk Haji Ab. Aziz bin Kaprawi, PJN., PIS., AMN.
(Parit Raja)

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Kemajuan Luar Bandar
dan Wilayah, Kesenian, Kebudayaan dan Warisan Negeri, Johor.
Puan Hajah Asiah binti Md. Ariff, AMN.
(Johor Lama)

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Usahawan
dan Koperasi, Pelajaran dan Pengajian Tinggi Negeri, Johor.
Datuk Haji Maulizan bin Bujang, DMSM., KMN., BSK.
(Tiram)

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perpaduan, Sumber Manusia,
Sains, Teknologi dan Inovasi Negeri, Johor.
Encik M. Asojan a/l Muniyandy, AMN.
(Gambir)

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan dan
Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna Negeri, Johor.
Encik Hoo Seong Chang, PIS.
(Paloh)

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Belia dan Sukan Negeri, Johor.
Tuan Haji Md. Jais bin Haji Sarday
(Mahkota)

Y.B. Datuk Haji Othman bin Jais, PJN., SMJ., KMN., PIS., BSI., AMN.
(Buloh Kasap)

Y.B. Dato' Haji Baderi bin Dasuki, DPMJ., PLP., PIS., BSI.
(Panti)

Y.B. Datuk Haji Harun bin Abdullah, PJN., PIS., AMN.
(Tanjong Surat)

Y.B. Tuan Haji Tahir bin Mohd. Taat, JP., KMN., PIS., AMN., PPN.
(Bukit Serampang)

Y.B. Dato' Haji Osman bin Haji Sopian, DSNS., AMN., PIS.
(Kempas)

Y.B. Datuk Haji Abd. Hamid bin Haji Abd. Rahman, PJN., KMN., PIS., JP.
(Machap)

Y.B. Datuk Ng See Tiong, PJN., JP., KMN., AMN., PIS., PK.
(Parit Yaani)

Y.B. Puan Lim Kee Moi, PIS.
(Yong Peng)

Y.B. Dato' Haji Abdul Halim bin Suleiman, DSNS., KMN., AMN.
(Puteri Wangsa)

Y.B. Datuk Haji Ariss bin Samsudin, DMSM., DSM., BCM., PIS., PPN.
(Semerah)

Y.B. Tuan Haji Onn bin Mohd. Yassin, AMN., KMN., PIS., PPA., PSSB.
(Layang-Layang)

Y.B. Encik Lau Chin Hoon,
(Pemanis)

Y.B. Datuk Haji Ayub bin Rahmat, DPSM., PPN., AMN.
(Kemelah)

Y.B. Datuk Samsol Bari bin Jamali, DMSM., KMN., PIS.
(Semarang)

Y.B. Datuk Haji Abdullah @ Md. Khalid bin Md. Ali, DMSM., PIS., AMN.
(Bukit Naning)

Y.B. Datuk Dr. Lee Hong Tee, DPSM.
(Jementah)

Y.B. Encik Cheong Chin Liang,
(Bukit Batu)

Y.B. Datuk Tee Siew Kiong, DMSM.
(Pulai Sebatang)

Y.B. Datuk Haji Abd. Aziz bin Haji Sopian, DMSM., KMN., AMN.
(Nusajaya)

Y.B. Datuk Koh Chee Chai, PJN., PIS.
(Penggaram)

Y.B. Tuan Haji Ayub bin Jamil, PIS.
(Rengit)

Y.B. Encik Tan Cher Puk, AMN.
(Johor Jaya)

Y.B. Datuk Dr. Adham bin Baba, DMSM.
(Pasir Raja)

Y.B. Datuk Ir. Hasni bin Mohamad, PGDK., PIS., KMN., AMN.
(Benut)

Y.B. Datuk Munusamy a/l Mareemuthu, PJN., PIS., BSI., KMN., AMN., PPN.
(Permas)

Y.B. Puan Hamimah binti Mansor,
(Penawar)

Y.B. Encik Vidyananthan a/l Ramanadhan,
(Kahang)

Y.B. Encik Tang Nai Soon,
(Pekan Nenas)

Y.B. Datuk Dr. Shahrudin bin Md. Salleh, PMW.
(Jorak)

Y.B. Datuk Md. Othman bin Haji Yusof, DMSM., DSM.
(Kukup)

Y.B. Tuan Haji Kamaruzaman bin Ali,
(Bukit Permai)

Y.B. Encik Goh Tee Tee, PIS.
(Tangkak)

Y.B. Tuan Haji Rasman bin Ithnain,
(Sedili)

Y.B. Tuan Haji Ja'afar bin Hashim, PPN.
(Senggarang)

Y.B. Puan Murukasvary a/p S. Thanarajan, PIS., AMN.
(Tenggaroh)

Y.B. Encik Chia Song Cheng,
(Pengkalan Rinting)

Y.B. Tuan Haji Adam bin Sumiru, KMN., AMN., PIS.
(Tanjung Puteri)

Y.B. Encik Mok Chek Hou,
(Stulang)

Y.B. Encik Mohd. Azahar bin Ibrahim
(Tenang)

Y.B. Encik Ong Kow Meng,
(Senai)

Y.B. Dr. Haji Sheikh Ibrahim bin Salleh,
(Sungai Abong)

Y.B. Encik Gwee Tong Hiang,
(Bentayan)

Y.B. Dr. Boo Cheng Hau,
(Skudai)

Y.B. Dr. Mohamad bin Taslim
(Maharani)

Y.B. Encik Ng Lam Hua,
(Mengkibol)

TURUT HADIR

**(MENURUT FASAL 6(3) BAHAGIAN KEDUA UNDANG-UNDANG TUBUH KERAJAAN
NEGERI JOHOR)**

Y.B. Setiausaha Kerajaan Johor,
Dato' Haji Obet bin Tawil, DPMJ., PIS.

Y.B. Penasihat Undang-Undang Negeri Johor,
Datuk Abdul Rahman Putra bin Dato' Haji Taha, DMSM., DSM.

Y.B. Pegawai Kewangan Negeri Johor,
Tuan Haji Marsan bin Kassim

Persidangan bermula pada jam 9:30 pagi.

Y.B. Dato' Speaker mengetuai Persidangan.

DOA.

(Jurutulis baca doa).

Jurutulis : PERMASYHURAN DARIPADA YANG BERHORMAT DATO' SPEAKER.

Y.B. Dato' Speaker : Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh dan diucapkan salam sejahtera dan selamat pagi. Ahli-Ahli Yang Berhormat, dengan sukacitanya dimaklumkan bahawa Duli Yang Maha Mulia Sultan Johor telah berkenan mengurniakan darjah kebesaran Dato' Paduka Mahkota Johor atau DPMJ yang membawa gelaran Dato' kepada Y.B. Dato' Haji Ahmad Zahri bin Jamil, Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan, Kerja Raya dan Kemudahan Awam Negeri, Johor dan Y.B. Dato' Haji Obet bin Tawil, Setiausaha Kerajaan Johor.

Ahli-Ahli Yang Berhormat, adalah dimaklumkan dengan sedihnya bahawa Encik Soh Kim Siam yang telah dilantik sebagai Ahli Dewan Negeri Johor mewakili kawasan Senai/Kulai mulai 10 Jun 1959 hingga 29 Februari 1994 telah meninggal dunia pada 9 Ogos 2011 yang lalu. Oleh yang demikian, Dewan ini merakamkan takziah kepada balu dan keluarga mendiang dan marilah kita bertafakur sebagai penghormatan terhadap khidmat mendiang semasa menjadi Ahli Dewan Negeri. Terima kasih.

Jurutulis : PEMBENTANGAN KERTAS-KERTAS MESYUARAT.

Y.A.B. Dato' Menteri Besar : Yang Berhormat Dato' Speaker, saya mohon membentangkan Kertas Mesyuarat Bilangan 28 dan 29 Tahun 2011.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan, Kerja Raya dan Kemudahan Awam : Yang Berhormat Dato' Speaker, saya mohon membentangkan Kertas Mesyuarat Bilangan 30 hingga 33 Tahun 2011.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Kesenian, Kebudayaan dan Warisan : Yang Berhormat Dato' Speaker, saya mohon membentangkan Kertas Mesyuarat Bilangan 34 Tahun 2011.

Y.B. Datuk Haji Abd. Hamid bin Haji Abd. Rahman (Machap) : Yang Berhormat Dato' Speaker, saya mohon membentangkan Kertas Mesyuarat Bilangan 35 Tahun 2011.

Jurutulis : SOALAN-SOALAN LISAN.

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat Datuk Haji Abd. Aziz bin Haji Sapian, jemput.

Y.B. Datuk Haji Abd. Aziz bin Haji Sapian (Nusajaya) : Yang Berhormat Dato' Speaker soalannya nombor 1.

Pengurusan sampah dan sisa pepejal akan diambil alih oleh Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam mulai 1 September 2011. Apakah kebaikan kepada rakyat dengan pengambilalihan peranan berkaitan oleh Perbadanan tersebut?

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat Encik Tang Nai Soon, jemput.

Y.B. Encik Tang Nai Soon (Pekan Nenas): Yang Berhormat Dato' Speaker, soalan saya nombor 2.

Apakah perbezaan dan kelebihan dari segi perkhidmatan pengangkutan sisa pepejal di Negeri Johor setelah tanggungjawab pengendalian sisa pepejal yang selama ini di bawah kuasa PBT diserahkan kepada Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal Dan Pembersihan Awam mulai 1 September 2011?

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan, Kerja Raya dan Kemudahan Awam : Yang Berhormat Dato' Speaker, izinkan saya untuk menjawab kedua-dua soalan daripada ADUN Nusajaya dan ADUN Pekan Nenas secara bersekali. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, Akta Pengurusan Sisa Pepejal Dan Pembersihan Awam ataupun Akta 672 ini, telah pun diluluskan oleh Parlimen pada 17 Julai 2007 dan diwartakan seterusnya pada 30 Ogos tahun yang sama. Bagaimanapun, ia mula berkuat kuasa hanya pada 1 September tahun ini iaitu 2011 dan ia memberi kuasa eksekutif kepada Kerajaan Pusat untuk menyelaras sepenuhnya Pengurusan Sisa Pepejal Dan Pembersihan Awam di seluruh Semenanjung melalui penubuhan Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal Dan Pembersihan Awam ataupun ringkasnya PPSPPA.

Sebagai latar belakangnya Yang Berhormat Dato' Speaker, pada 6 September 1995 Kabinet telah pun bersetuju atau swastakan pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam kepada beberapa syarikat konsesi mengikut zon iaitu Zon Tengah, Zon Utara dan Zon Selatan. Sebelum penswastaan dilakukan sepenuhnya, proses interim telah dilaksanakan Zon Selatan yang merangkumi Negeri Sembilan, Melaka dan negeri kita Johor bermula pada tahun 1997 dan konsesinya telah diberikan kepada SWM Sendirian Berhad. Pada ketika itu terdapat beberapa faktor yang menyebabkan penswastaan ini dilakukan dan antara faktor utamanya ialah untuk meningkatkan mutu perkhidmatan kutipan sampah kerja-kerja pembersihan awam Negeri Johor.

Yang Berhormat Dato' Speaker, setelah berakhirnya tempoh interim selama hampir 14 tahun, bagi Bandaraya dan Johor Bahru Tengah dan hampir 8 tahun bagi PBT-PBT yang lain selain daripada MPPG, maka pada 1 September yang lalu adalah merupakan tarikh kuat kuasa pengambilalihan pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam oleh Kerajaan Pusat di Negeri Johor.

Yang Berhormat Dato' Speaker, pengurusan sisa pepejal yang diambil alih adalah meliputi kerja-kerja seperti berikut iaitu:

1. Pengasingan

2. Penstoran
3. Pemungutan
4. Pengangkutan
5. Pemindahan
6. Pemprosesan
7. Pengitaran semula
8. Pengolahan dan pelupusan sisa pepejal terkawal.

Manakala kerja pembersihan awam adalah meliputi kerja-kerja seperti :

1. Membersihkan jalan awam, tempat awam, tandas awam dan longkang awam.
2. Membersihkan pusat penjaja dan pasar yang bukan dipunyai dan diselenggarakan secara persendirian.
3. Pembersihan sisa pepejal terkawal yang dibuang dengan menyalahi undang-undang di atas jalan awam dan tempat awam.
4. Pembersihan pantai.
5. Memotong rumput di tepi bendul jalan awam.
6. Memotong rumput di tempat awam.
7. Mengalihkan bangkai-bangkai binatang.

Dalam hal ini juga, perkhidmatan pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam di Johor telah diswastakan sepenuhnya kepada syarikat SWM Environment Sendirian Berhad dan seterusnya pada 19 September ini, satu Perjanjian Tripartite antara Kerajaan Pusat, Kerajaan Negeri dan PBT akan ditandatangani bagi memuktamadkan penswastan pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam di negeri kita.

Yang Berhormat Dato' Speaker, pengambilalihan peranan tersebut daripada PBT oleh PPSPPA banyak memberi kebaikan kepada rakyat terutama berkaitan dengan pemuliharaan alam sekitar dan kesihatan awam melalui aktiviti penguatkuasaan dan mutu perkhidmatan pengurusan sisa pepejal yang lebih baik. PPSPPA mempunyai anggota-anggota penguat kuasa yang fungsi mereka bertumpu semata-mata terhadap mengawal selia pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam berbanding dengan tugas anggota penguat kuasa daripada PBT yang mempunyai pelbagai fungsi melalui fungsi yang begitu fokus pemantauan terhadap aktiviti-aktiviti membuang sisa pepejal di merata-rata tempat dan juga pelupusan haram dijangka dapat dibendung dan ditangani. Justeru, kita akan mendapat kebaikan melalui persekitaran yang lebih bersih, sihat dan selamat.

Selain itu juga, perkhidmatan yang diberikan oleh syarikat konsesi dapat dipantau dengan lebih kerap dan sistematik oleh perbadanan melalui penunjuk utama prestasi ataupun dengan izin, *Key Performance Index* ataupun KPI yang lebih seragam dan lebih terbahagi kepada KPI utama dan KPI sekunder, mengikut kesalahan yang dilakukannya yang telah ditetapkan di dalam perjanjian konsesi itu nanti. Sebagai contohnya Yang Berhormat Dato' Speaker, titisan air, resapan sampah ataupun *leachate* dari lori *compacter* yang sekarang ini, selama ini dianggap telah pun dipandang sebagai satu kelemahan yang amat ketara kepada SWM. Titisan resapan sampah atau *leachate* dari lori *compacter* ini dianggap kesalahan besar di bawah KPI

dan termasuk di bawah KPI utama yang boleh menyebabkan syarikat konsesi boleh didenda dan penolakan markah demerit.

Walau bagaimanapun, permasalahan KPI penswastaaan pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam ini akan dijalankan secara berperingkat Yang Berhormat Dato' Speaker, bermula dari tahun utama sehingga tahun ke empat mengikut kawasan yang dipersetujui antara Kerajaan Negeri dan syarikat konsesi. Ada antaranya, KPI yang berkuat kuasa serta merta mulai 1 September yang lalu iaitu seperti:

1. Pematuhan kepada jadual dan frekuensi ataupun kekerapan kutipan.
2. Pelupusan sisa pepejal di tempat yang telah diluluskan.
3. Jalan awam hendaklah dibersihkan sempurna.
4. Kawasan kerja mesti dibersihkan dari segala sampah dan tumbuhan liar terus dibuang dari kawasan kerja sebelum dan selepas aktiviti pemotongan rumput.

Terdapat juga KPI yang berkuat kuasa pada tahun kedua Yang Berhormat Dato' Speaker, sebagai contoh dengan penetapan 30% kawasan PBT akan mempunyai tong sampah dan lori baru pada tahun kedua. Dan, seterusnya meningkat kepada 75% pada tahun ketiga dan seterusnya pada tahun keempat bermulalah penguatkuasaan KPI 100% bagi tujuan penyediaan lori dan tong sampah baru oleh syarikat konsesi.

Pemantauan dan KPI yang jelas ini dijangka dapat meningkatkan mutu perkhidmatan yang diberikan termasuklah dari segi jadual kutipan yang lebihersistem dan kaedah kutipan sampah atau sisa pepejal yang lebih kemas dan cekap menerusi penggantian lori *compacter* dan tong sampah sedia ada dengan baru secara berperingkat.

Compacter yang baru akan digunakan pula dilengkapi sistem pengangkut sampah ataupun dengan izin *bin lifter* dan mempunyai sistem tangki kawalan air resapan sampah yang mampu mengawal masalah lelehan ataupun tumpahan air resapan sampah. Selaras dengan saranan kerajaan supaya mutu perkhidmatan diperkemarkan pihak PPSPPA juga telah wujudkan satu talian bebas tol iaitu 1-800-88-7472 yang menerima dan mengurus aduan dan pertanyaan berkenaan berkaitan perkhidmatan kutipan sampah dan perkhidmatan pembersihan awam dan *call centre* ini dengan izin, beroperasi setiap hari dari jam 6:00 pagi hingga 12:00 tengah malam.

Sungguh pun selepas ini kerja-kerja pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam bukan lagi di bawah tanggungan PBT ataupun Kerajaan Negeri, Kerajaan Negeri telah mengambil pendekatan supaya syarikat konsesi PPSPPA menganggotai mana-mana mesyuarat jawatankuasa yang sesuai di peringkat PBT, sebagai langkah pemantauan ke atas kerja-kerja yang melibatkan kepentingan asas rakyat ini. Sememangnya, yalah Yang Berhormat Dato' Speaker, menjadi harapan kita supaya masalah kutipan sampah dapat ditangani dengan lebih berkesan sekali gus mutu kerja-kerja pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam dapat dipertingkatkan dengan lebih baik lagi pada masa hadapan oleh Kerajaan Pusat. Selain itu, hasrat Kerajaan Negeri juga, supaya selepas ini PBT akan dapat lebih menumpukan perhatian kepada aktiviti perancangan dan pembangunan, aktiviti keceriaan dan keindahan, pemberian lesen

perniagaan, kutipan cukai harta dan penguatkuasaan dalam meningkatkan kualiti perkhidmatan dan kemudahan PBT.

Y.B. Dato' Speaker : Ok, dah, Pekan Nenas.

Y.B. Encik Tang Nai Soon (Pekan Nenas) : Terima kasih Yang Berhormat Dato' Speaker. Soalan tambahan saya, setelah PPSPPA mengambil alih tanggungjawab pengendalian sisa pepejal ini, apakah jadual atau frekuensi kutipan sampah di premis kedai dan premis rumah, adakah perbezaan dengan yang sedia sebelum ini? Dan juga bagaimanakah dengan caj yang dikenakan terhadap *industry waste* dengan izin, dan juga adakah *back-up team*, disediakan sekiranya PPSPPA gagal membuat kutipan sampah sarap seperti yang telah ditetapkan? Terima kasih.

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat, tak berapa *clear* agaknya, tak jelaslah, ulang sikit perlahan-lahan. Dia tak berapa...

Y.B. Encik Tang Nai Soon (Pekan Nenas) : Minta maaf, Dato' Speaker, soalan saya, saya ulang eh. Setelah PPSPPA telah mengambil alih tanggung jawab pengendalian sisa pepejal, apakah jadual ataupun frekuensi kutipan sampah sarap di premis kedai dan juga premis rumah, adakah berbeza dengan yang sebelum ini? Dan juga bagaimana dengan caj ataupun bayaran yang dikenakan terhadap *industry waste* dengan izin, iaitu kilang-kilang, sampah sarap dari kilang, kutipannya? Dan, yang ketiga, adakah *back-up team*, sekiranya PPSPPA ini gagal mengangkut sampah mengikut jadual yang telah ditetapkan, adakah PBT akan sediakan *back-up team* ataupun mana-mana pihak untuk mengendali masalah ini? Sekian, terima kasih.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan, Kerja Raya dan Kemudahan Awam : Yang Berhormat Dato' Speaker, apabila penswastaan penuh ini, dibuat secara rasminya, apabila perjanjian *Tripartite*, walaupun mengikut Akta 672, dia bermula 1 September. Perjanjian *Tripartite* ini akan ditandatangani pada 19 September ini di antara Kerajaan Pusat, Kerajaan Negeri dan juga PBT yang berkenaan. Maka, seperti yang saya katakan tadi, ialah bahawa kerja-kerja mengangkat sampah ataupun sisa pepejal pembersihan awam ini akan dilakukan mengikut jadual yang telah ditetapkan iaitu buat masa ini frekuensi kerja adalah seperti berikut:-

1. Pelupusan Sisa Pepejal untuk rumah kediaman 3 kali seminggu. Ini dia mesti buat, dia dah tak boleh kurang lagi, kerana ada badan yang memantau dia iaitu PPSPPA itu tadi. Dan, kalau dia tak dapat buat ikut jadual ini, dia akan dipotong daripada markah dia. Dan, akhirnya kalau markah yang terkumpul ini melebihi daripada yang telah ditetapkan, mengikut Akta 672, Perbadanan boleh mengambil tindakan sehingga membatalkan konsesi yang sedia ada, kalau dia berlaku berterusan ya. Iaitu kediaman 3 kali seminggu, untuk kedai 6 kali seminggu dan untuk pusat bandar 7 kali seminggu. Makna, tiap-tiap harilah, pusat bandar, itu kerja pelupusan sisa pepejal.

2. Dan untuk kerja pembersihan pula, untuk kerja pembersihan, untuk rumput dan longkang, potong rumput dan membersihkan longkang untuk kawasan bandar ikut jadualnya ialah 2 kali sebulan dan kawasan perumahan, 1 atau 2 kali sebulan mengikut PBT masing-masing. Ini di dalam kawasan perumahan.

Dan, berkenaan dengan bayaran. Bayaran untuk pelupusan sisa pepejal terlarang. Mengikut Akta 672, bahawa untuk *item* macam ini, dia ada di bawah Akta 672, di mana sesiapa pun, bukan sahaja syarikat konsesi tapi termasuk syarikat konsesi tetapi sesiapa pun yang berminat untuk melaksanakan kerja ini boleh membuat permohonan kepada Perbadanan dan akan diberikan lesen di bawah Akta 672, khusus untuk melupuskan sisa pepejal yang terlarang ini.

Dan, berkenaan dengan *back-up team* ataupun pasukan tambahan yang disuarakan oleh ADUN yang berkenaan, semua kerja-kerja yang dibuat oleh syarikat konsesi, sama ada dia jalankan sendiri ataupun mengikut kontraktor-kontraktor yang sedia ada dan juga kontraktor-kontraktor tambahan yang dibuat oleh syarikat mengikut kehendak setiap PBT itu, kerja-kerja ini, *back-up team* ini adalah menjadi tanggungjawab syarikat sepenuhnya mengikut Akta 672.

Y.B. Dato' Speaker : Nusajaya.

Y.B. Datuk Haji Abdul Aziz bin Haji Sapian (Nusajaya) : Terima kasih Yang Berhormat Dato' Speaker. Saya ucapkan banyak terima kasihlah kepada Pengerusi Jawatankuasa Kerja Raya dan Kerajaan Tempatan, yang telah memberi penerangan yang begitu jelas. Soalan saya, adakah apabila diambil pihak pengurusan yang baru ini tentang pelupusan sampah dan sebagainya tidakkah membebankan pengguna, yang mana kita takut apabila kerja-kerja ini telah dilaksanakan dengan pembaharuan, kita takut bayaran kepada pengguna-pengguna, yang akan menjadikan satu beban tanggungjawab kepada pengguna dan akhirnya, kerajaan juga yang dipersalahkan. Terima kasih.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan, Kerja Raya dan Kemudahan Awam : Yang Berhormat Dato' Speaker, di bawah perjanjian yang akan kita tandatangani itu nanti pada 19 September, mengenai permasalahan yang dibangkitkan itu, iaitu adakah bayaran tambahan yang dikenakan akhirnya kepada mereka yang tinggal dalam kawasan PBT. Untuk menjawab perkara ini, soalan ini iaitu bagi pegangan sedia ada, berdasarkan kepada klausa 6.2(A) Perjanjian itu nanti, kita hanya perlu bayar mengikut kadar sedia ada iaitu kadar yang sedia ada, katakanlah kalau RM2.50, RM2.50lah, RM3.00, RM3.00, tak ada perbezaan. Kadar yang sedia ada untuk pegangan yang sedia adalah membayar mengikut kadar sedia ada dan perbezaan kadar bayaran kalau ada yang perlu dibayar kepada syarikat konsesi akan ditanggung sepenuhnya oleh Kerajaan Pusat. Maksudnya, kita tak, PBT tidak perlu ada bayaran tambahan apa-apa untuk pegangan sedia ada. Dan, untuk pegangan-pegangan baru ataupun kawasan baru berdasarkan kepada klausa yang saya sebut itu di dalam perjanjian itu nanti, kita juga akan membayar mengikut kadar yang sedia ada yang tertinggi dalam PBT. Kadar yang tertinggi yang ada dalam PBT itu dan perbezaan kadar bayaran yang perlu dibayar kepada syarikat konsesi juga akan

ditanggung oleh Kerajaan Pusat. Maknanya, apa yang lebih semuanya akan ditanggung oleh Kerajaan Pusat.

Y.B. Dato' Speaker : Skudai.

Y.B. Dr. Boo Cheng Hau (Skudai) : Terima kasih Dato' Speaker. Soalan tambahan saya, mengikut kontrak sosial kita dalam Perlembagaan Persekutuan, selama-lama ini, pengutipan sisa pepejal adalah dalam bidang kuasa Kerajaan Tempatan, sama ada, saya nak bertanya, sama ada Akta ini, pengurusan, Akta Pengurusan Sisa Pepejal ini, adalah 'ngam' dengan Perlembagaan Persekutuan kita?

Y.B. Dato' Speaker : Ngam?

Y.B. Dr. Boo Cheng Hau (Skudai) : Iaitu 'ngam', hanya Dato' Speaker, perkataan yang ada dalam Dewan, Kamus Dewan.

Y.B. Dato' Speaker : Oh, 'ngam' eh?

Y.B. Dr. Boo Cheng Hau (Skudai) : Diterima sebagai ye, 'ngam', maknanya...

Y.B. Dato' Speaker : Secocok.

Y.B. Dr. Boo Cheng Hau (Skudai) : Selaras dengan Perlembagaan Persekutuan.

Y.B. Dato' Speaker : (Ketawa). Yang Berhormat, *clear?* *Sound* dia tak berapalah...

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan, Kerja Raya dan Kemudahan Awam : Yang Berhormat Dato' Speaker, tadi dalam penjelasan saya, saya pun dah katakan bahawa Akta ini pun telah diluluskan oleh Parlimen pada tahun 2007, dan telah pun diwartakan. Jadi, kalau Yang Berhormat Skudai nak mempersoalkan perkara ini, kena ikut landasan perundangan yang tertentulah. Saya ingat tak perlu bawa dalam Dewan ini dan saya pun tak perlu menjelaskannya. Dalam Perlembagaan, kita ada *Federal List, State List and Concurrent List*. Tapi, dan Parlimen kita iaitu Badan Perundangan yang tertinggi telah pun meluluskan satu Akta tahun 2007, dan telah pun diwartakan. Maka, kerja-kerja yang hendak dilaksanakan bawah Akta itu harus dijalankanlah mengikut peruntukan yang sedia ada dalam Undang-Undang yang telah pun diluluskan oleh Parlimen.

Y.B. Dato' Speaker : Ok, Bukit Batu.

Y.B. Encik Cheong Chin Liang (Bukit Batu) : Terima kasih Yang Berhormat Dato' Speaker. Kalau dari segi perkhidmatan pengangkutan sampah sarap ni, walaupun termaktub dalam Perjanjian, kita pun kluatir mutu perkhidmatan itu. Sebab tu saya nak tanya, sama ada kerajaan ada apa langkah yang baik untuk mengatasi masalah sampah sarap yang terdiri daripada golongan yang terkeluar daripada kategori seperti kawasan kilang dan juga kawasan pembinaan yang mana mereka memang akan wujudkan tempat-tempat pembuangan sampah sarap yang membimbangkan kita.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan, Kerja Raya dan Kemudahan Awam : Berkenaan sampah-sampah ataupun sisa pepejal daripada kawasan industri itu tadi dan kawasan pembinaan, tadi saya dah cakapkan di bawah Akta 672, ini ada klausa dia, yang membolehkan sesiapa hendak menjalankan tugas ini memohon kepada Perbadanan selain daripada syarikat konsesi. Syarikat konsesi pun boleh buat dan dia akan dapat bayaran yang berasingan dan ini akan dikeluarkan lesen khusus untuk tujuan-tujuan ini oleh PPSPPA itu tadi.

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat Puan Hamimah binti Mansor, jemput.

Y.B. Puan Hamimah binti Mansor (Penawar) : Terima kasih Yang Berhormat Dato' Speaker, soalan saya nombor 3.

Bagaimanakah arahan perbelanjaan RM50,000.00 yang diberi kepada FELDA untuk sekolah-sekolah agama di dalam FELDA?

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Kesenian, Kebudayaan dan Warisan : Yang Berhormat Dato' Speaker, bantuan RM50,000.00 adalah merupakan peruntukan berbentuk *one off* bagi sekolah agama di Rancangan-Rancangan FELDA di seluruh negara. Bantuan ini bukanlah merupakan bantuan tahunan, sebaliknya bergantung kepada kedudukan kewangan FELDA pada tahun semasa. Dengan kedudukan kewangan FELDA yang agak baik pada tahun ini, pengurusan FELDA telah menyediakan sejumlah bajet untuk sekolah-sekolah agama di setiap Rancangan FELDA.

Bagi Negeri Johor, sebanyak 62 buah sekolah agama menerima bantuan yang keseluruhannya berjumlah RM3.1 juta. Ia adalah bagi tujuan kerja-kerja pembaikan kecil dan pembelian peralatan di sekolah-sekolah agama tersebut. Dan, FELDA berharap peruntukan ini sedikit sebanyak akan memberi lebih keselesaan kepada pelajar dan juga guru-guru di sekolah tersebut. Urusan panggilan tender dijangka akan dikeluarkan pada minggu ketiga September 2011 dan projek ini dijangka selesai sepenuhnya sebelum November tahun 2011.

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat Encik Ng Lam Hua, jemput.

Y.B. Encik Ng Lam Hua (Mengkibol) : Yang Berhormat Dato' Speaker, soalan saya nombor 4.

Sila beritahu apakah kursus-kursus yang ditawarkan oleh Kolej Komuniti di Kluang dan adakah ia berjaya mendapat sambutan baik daripada orang awam? Jika tidak, mengapa?

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Pelajaran dan Pengajian Tinggi : Yang Berhormat Dato' Speaker, untuk makluman Dewan yang mulia ini, pada masa ini di Kluang terdapat 2 kolej komuniti. Yang pertamanya, kolej komuniti yang terletak di bawah Kementerian dan Kolej Komuniti yang kedua ialah Kolej Komuniti yang terletak di bawah pentadbiran KPYPJ. Dan, pada masa ini kolej yang

terletak di bawah Kementerian beroperasi di Jalan Delima 7, Taman Delima, Kluang dan masih dalam proses pembinaan dan pengubahsuaian yang melalui empat fasa pelaksanaan.

Fasa pertama telah dimulakan pada 11 Januari 2011 dan dijangka siap pada 10 Januari 2012. Kursus sepenuh masa yang bakal ditawarkan apabila kerja pembinaan pengubahsuaian fasa pertama siap ialah Sijil Modular Kebangsaan Baikpulih Kenderaan Ringan dan buat masa ini tiada lagi pelajar sepenuh masa di Kolej Komuniti tersebut. Walau bagaimanapun, Program Latihan 1Malaysia telah mula ditawarkan pada bulan Februari 2011 dan Program Latihan 1Malaysia ini merupakan kursus jangka pendek yang dijalankan selepas waktu pejabat dan hujung minggu bergantung kepada permintaan komuniti setempat. Ianya terbuka kepada masyarakat setempat, warganegara Malaysia tanpa mengira had umur. Dan, kursus-kursus dalam Program Latihan 1Malaysia terbahagi kepada 3 kluster utama iaitu Kursus Bahasa, Kursus Muzik dan Kursus Kemahiran. Kursus Bahasa dan Muzik dijalankan secara pakej iaitu selama 32 jam minimum dan yuran penyertaan hanya RM10.00 sahaja. Manakala kursus kemahiran pula dijalankan selama 20 jam minimum dan yuran penyertaannya hanya RM1.00 satu jam.

Dan Program Latihan 1Malaysia yang dianjurkan oleh Kolej Komuniti Kluang telah dilaksanakan dengan menyewa premis-premis perniagaan dan pusat-pusat tuisyen yang terdapat di sekitar daerah Kluang. Dan, Kolej Komuniti setempat yang berkelayakan juga telah dilantik sebagai tenaga pengajar untuk melaksanakan Program Latihan 1Malaysia ini. Dan, secara keseluruhannya pelaksanaan Program Latihan 1Malaysia oleh Kolej Komuniti Kluang telah mendapat sambutan yang menggalakkan. Sehingga 9 September 2011, jumlah keseluruhan peserta ialah seramai 2,086 orang. Di mana ianya terdiri daripada 1,409 orang peserta berbangsa Melayu, 650 orang peserta berbangsa Cina dan 27 orang peserta berbangsa India. Manakala jumlah Program Latihan 1Malaysia yang telah dianjurkan ialah sebanyak 122 kursus. Bagi Kolej Komuniti di bawah KPYPJ, kolej tersebut masih lagi menjalankan kursus-kursus pendek berdasarkan permintaan daripada komuniti setempat.

Y.B. Dato' Speaker : Mengkibol.

Y.B. Encik Ng Lam Hua (Mengkibol) : Terima kasih. Saya difahamkan kerajaan telah mengadakan satu undang-undang bahawa kalau nak buka kedai secara seperti bengkel motosikal ke, baiki motosikal ke, kereta ke dan seterusnya dikehendaki mempunyai sijil yang diiktiraf oleh kerajaan. Soalan saya, adakah Kolej Komuniti di Kluang ini ataupun di mana-mana di Johor ada menawarkan kursus-kursus untuk sedemikian?

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Pelajaran dan Pengajian Tinggi : Yang Berhormat Dato' Speaker, saya tak pasti pula kalau nak buka bengkel motosikal kena ada sijil kerana selama ini pun banyak bengkel motosikal ke, bengkel kenderaan yang dibuka tak semestinya tuan punya bengkel tersebut mempunyai sijil.

Di Kluang, Yang Berhormat Dato' Speaker, antara kursus yang diadakan termasuklah Kursus Refleksologi, Kursus Jahitan Langsir, kursus berkaitan dengan Masakan Tradisional, Kulinari termasuk juga ada Kursus Tarian Tradisional Cina, Kursus Bahasa Inggeris, Bengkel Pengurusan Perniagaan Sukan dan ada Kursus Jahitan Manik Labuci, ada juga Kursus Kejurulatihan Futsal, Kursus Permainan Tradisional Rakyat Malaysia dan Kursus Baikpulih Telefon Bimbit. Kursus-kursus ini sebenarnya boleh ditambah, Yang Berhormat Dato' Speaker, berdasarkan permintaan daripada masyarakat setempat. Sekiranya ada keperluan, masyarakat setempat boleh untuk memohon pada Kolej Komuniti untuk menambah kursus-kursus yang sedia ada. Walau bagaimanapun, kursus-kursus seperti automotif ini untuk jangka masa tertentu ini ada ditawarkan di pusat-pusat latihan industri yang lain, Yang Berhormat Dato' Speaker.

Y.B. Dato' Speaker : Ha, oklah. Saya tak nampak, kesian pula.

Y.B. Puan Murukasvary a/p Thanarajan (Tenggaroh) : Soalan tambahan Yang Berhormat Dato' Speaker. Latihan 1Malaysia Kolej Komuniti ini telah mendapat sambutan baik daripada orang awam dan latihan ini telah pun diberhentikan. Jadi saya ingin tahu sama ada kerajaan akan teruskan dengan Latihan 1Malaysia ini. Terima kasih.

Y.B. Dato' Speaker : Ni yang kolej mana? Oh...

Y.B. Puan Murukasvary a/p Thanarajan (Tenggaroh) : Kota Tinggi pun tak ada. Dah berhenti. Semua tempat diberhentikan.

Y.B. Dato' Speaker : Yalah, ini dia cerita Kluang Yang Berhormat.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Pelajaran dan Pengajian Tinggi : Yang Berhormat Dato' Speaker, Program Latihan 1Malaysia ini ialah program di bawah Kolej Komuniti Kementerian dan saya difahamkan program ini adalah program baru dan program ini apa tu saya difahamkan akan dikembangkan di semua Kolej Komuniti yang berada di bawah Kementerian.

Y.B. Dato' Speaker : Ok. Yang Berhormat Datuk Dr. Adham bin Baba, jemput.

Y.B. Datuk Dr. Adham bin Baba (Pasir Raja) : Selamat Hari Raya, maaf zahir batin, soalan saya nombor 5 Dato' Speaker.

Adakah Kerajaan Negeri Johor bercadang untuk mengadakan 'Program Perhimpunan 1 Juta Belia' di Wilayah Iskandar Malaysia, memandangkan program ini telah mencatatkan kejayaan membanggakan di peringkat nasional dan sekiranya di dalam perancangan, apakah strategi pelaksanaan dalam melibatkan agensi kerajaan dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) di Negeri Johor?

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Belia dan Sukan : Yang Berhormat Dato' Speaker, seperti mana yang kita sedia maklum, Kementerian Belia dan Sukan Malaysia berjaya menghimpunkan lebih sejuta belia pada 27 hingga 29 Mei 2011 di sekitar kawasan Putrajaya sempena sambutan Hari Belia Peringkat Kebangsaan tahun 2011 yang lalu.

Program ini juga telah mendapat sokongan dari pelbagai pihak sama ada agensi kerajaan, pihak swasta, badan bukan kerajaan sama ada NGO belia, NGO Sukan dan lain-lain.

Pihak Jabatan Belia dan Sukan Negeri Johor sedang menyediakan kertas cadangan yang komprehensif bersama-sama dengan Majlis Belia Negeri Johor untuk mengadakan Perhimpunan Belia sempena sambutan Hari Belia peringkat Negeri Johor tahun 2012 di kawasan Wilayah Iskandar Malaysia tetapi dengan skala yang lebih kecil berbanding sejuta belia di Putrajaya. Jumlah sasaran adalah sekitar 50 ribu hingga 100 ribu orang bersesuaian dengan jumlah belia yang ada di Negeri Johor. Antara matlamat utama perhimpunan ini ialah untuk mendekatkan pembangunan Wilayah Iskandar dengan golongan muda sebagai pewaris kesinambungannya di masa hadapan yang juga menawarkan pelbagai peluang sama ada dalam bidang kerjaya ataupun juga perniagaan.

Oleh yang demikian, pihak Jabatan Belia dan Sukan Negeri Johor bersama-sama dengan Majlis Belia Negeri Johor sedang mengenal pasti beberapa langkah yang perlu diambil bagi menjayakan program tersebut antaranya :

1. Mengetahui lokasi dan juga prasarana yang sesuai.
2. Mendapatkan kerjasama dan juga pandangan pelbagai pihak sama ada agensi kerajaan, pihak swasta, badan-badan bukan kerajaan, institusi pengajian dan latihan, pelabur serta pemaju pembangunan di kawasan Wilayah Iskandar Malaysia ini dan lain-lain bagi merancang kepelbagaian segmen program yang akan diadakan.
3. Mengetahui kepelbagaian aktiviti dan juga pengisian program mengikut kesesuaian generasi muda sama ada yang berkaitan dengan gaya hidup mereka mahu pun peluang yang ada di kawasan Wilayah Iskandar Malaysia.

Y.B. Dato' Speaker : Ok, Pasir Raja.

Y.B. Datuk Dr. Adham bin Baba (Pasir Raja) : Dato' Speaker, akhir-akhir ini peranan NGO sangat menonjol dan sangat penting. Tetapi, yang berlaku ialah mereka membawa nilai-nilai yang berbeza. Ada nilai suka bawa pergi jalan raya untuk demonstrasi, ada nilai untuk menyaman. Saya ingin menanyakan kepada Yang Berhormat Pengerusi Belia dan Sukan, setakat ini adakah anggaran kasar jumlah-jumlah NGO yang boleh kita kenal pasti dalam Negeri Johor yang rapat dengan jabatan kerajaan dan bolehkah satu ketika nanti mereka ini kita samakan nilai-nilai disatukan supaya kita dalam Negeri Johor ini aman berbanding dengan tempat-tempat lain. Terima kasih.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Belia dan Sukan : Yang Berhormat Dato' Speaker, saya percaya cadangan untuk mengadakan perhimpunan belia dan skala yang saya sebutkan tadi kejayaannya bergantung kepada bukan hanya sekadar pihak agensi kerajaan tetapi yang lebih penting ialah sokongan daripada NGO. Oleh yang

demikian, di antara NGO yang akan sama-sama menjayakan program ini daripada peringkat perancangan lagi ialah sudah tentunya ahli-ahli badan gabungan Majlis di Negeri Johor yang terdiri daripada 10 Majlis di daerah termasuk juga pertubuhan-pertubuhan belia seperti Gerakan Belia 4B, Kelab Belia Malaysia, Persatuan Kelab-Kelab Belia Malaysia (MAYC), Majlis Belia Felda, Gabungan Belia 1Malaysia (GBBM), Young Malaysian Movement (YMM), Persatuan Malay Buddist, Malaysian Indian Youth Council (MIYC), Kelab Bell Belia Tamil dan lain-lain NGO belia. Kita juga ada sebanyak 26 Kelab Rakan Muda di peringkat Parlimen serta NGO-NGO sukan, NGO-NGO Wajadiri dan juga kelab kecergasan.

Semasa perhimpunan Wajadiri peringkat Negeri tahun 2008 yang lalu, Yang Amat Berhormat Menteri Besar juga ada menyarankan supaya perhimpunan Wajadiri dapat mengumpulkan semua pengamal-pengamal Wajadiri yang melibatkan pelbagai kaum seperti silat, tekwando, silambam dan lain-lain lagi dan ini mungkin sebahagian yang akan terlibat dalam perhimpunan ini termasuklah juga kelab-kelab kecergasan, Persatuan J-Robik, kelab kecergasan peringkat daerah dan persatuan-persatuan sukan. Dan, saya percaya aktiviti-aktiviti seperti yang melibatkan wajadiri ini seperti mana yang kita tahu bahawa ke semua wajadiri, amalan wajadiri ini mengajar untuk pengamal-pengamalnya bukan hanya mahir dalam tahap mempertahankan diri tetapi juga mereka diajar dengan sifat-sifat ataupun sikap yang baik, saling menghormati dan sebagainya. Dan, saya percaya kalau ia dapat dilaksanakan, saya percaya ia akan dapat menyuntik satu nilai yang baik bukan hanya terhadap diri para golongan muda ini tetapi juga yang paling penting ialah semangat untuk jati diri, sayangkan negara dan sayangkan negeri yang tercinta ini.

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat Datuk Dr. Shahrudin bin Salleh, jemput.

Y.B. Datuk Dr. Shahrudin bin Salleh (Jorak) : Yang Berhormat Dato' Speaker, soalan nombor 6.

Setakat tahun 2011, berapakah jumlah pengusaha burung walet dalam Negeri Johor mengikut daerah dan jumlah pengeluarannya dalam bentuk nilai Ringgit Malaysia. Apakah bentuk galakan dan bantuan yang dapat Kerajaan Negeri berikan kepada pengusaha sedia ada dan bakal-bakal pengusaha yang berminat (melalui Jabatan Perkhidmatan Veterinar) bagi menjadikan Negeri Johor sebagai pengeluar terbesar negara bagi sarang burung berkenaan?

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pertanian dan Industri Asas Tani : Yang Berhormat Dato' Speaker, setakat ini bilangan pengusaha burung walet yang berdaftar dengan Jabatan Veterinar bagi seluruh Negeri Johor ialah 1,271 orang. Daerah Johor Bahru adalah tertinggi dengan bilangan pengusaha seramai 206 orang, manakala daerah Muar adalah terendah dengan 38 bilangan pengusaha. Bilangan pengusaha mengikut daerah adalah seperti berikut:- Johor Bahru, 206 pengusaha; Kulaijaya, 168 pengusaha; Ledang, 167 pengusaha; Segamat, 143 pengusaha; Mersing, 127 pengusaha; Pontian, 122 pengusaha; Kluang, 120 pengusaha; Kota Tinggi, 94 pengusaha; Batu Pahat, 86 pengusaha dan Muar, 38 pengusaha, berjumlah 1,271. Berdasarkan permit eksport yang dikeluarkan Jabatan Veterinar, nilai keluaran *Edible Bird Nest*, setahun untuk tahun 2010 ialah RM27.09 juta. Dari jumlah tersebut, RM14.22

juta adalah *Edible Bird Nest*, dengan izin, diproses, manakala RM12.87 juta adalah tanpa diproses. Ini yang didaftarkan, tapi mengikut laporan yang dijual secara diam-diam sebanyak 5 kali ganda. Jadi, maknanya...

Y.B. Dato' Speaker : Apasal mesti jual diam-diam?

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pertanian dan Industri Asas Tani : Dia tak daftar Yang Berhormat.

Y.B. Dato' Speaker : Oh...ok.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pertanian dan Industri Asas Tani : Jadi, keseluruhan jumlah ialah RM150 juta.

Y.B. Dato' Speaker : Oi...banyak

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pertanian dan Industri Asas Tani : Galakan dan bantuan yang dapat diberikan oleh Kerajaan Negeri kepada pengusaha sedia ada menerusi Jabatan Veterinar adalah dalam bentuk kursus, latihan dan juga dengan izin, *regulatory* terutama garis panduan, 1GP bagi industri burung Walet. Garis panduan ini adalah untuk menyelaraskan dan mengharmonikan pelbagai peraturan pelaksanaan aktiviti penternakan dan pemprosesan serta kegiatan import dan eksport sarang burung Walet agar ianya lebih tersusun dan berdaya maju. Seterusnya, pemantauan penyakit burung Walet, pemantauan kualiti sarang burung Walet dan juga kursus pelaksanaan 1 Garis Panduan, begitu juga kursus *Good Animal Husbandry Practices (GAHP)*.

Bagi bakal pengusaha pula, galakan dan bantuan yang dapat diberikan oleh Kerajaan Negeri termasuklah khidmat nasihat bagi pemilihan tempat dan tapak projek. Seterusnya bagi pengesahan pinjaman bank, ujian panggilan burung Walet, garis panduan 1GP dan termasuk kursusnya, dan juga kursus GAHP ini. Di samping peningkatan bilangan pengusaha dan galakan yang dinyatakan, beberapa faktor lagi perlu diberi penekanan untuk membolehkan Negeri Johor menjadi pengeluar terbesar sarang burung Walet. Faktor-faktor itu termasuklah: pemeliharaan ekosistem sedia ada yang boleh membekalkan serangga menjadi makanan burung Walet walaupun ianya kadang-kadang dibina tempat di dalam bandar, tetapi burung Walet ini boleh terbang sehingga 50 kilometer untuk mencari makan. Seterusnya peningkatan pengetahuan pengusaha menerusi latihan dan bimbingan berterusan yang dianjurkan oleh Jabatan Veterinar bagi kaedah pengeluaran, penyelidikan, perumahan dan juga amalan pengurusan yang baik. Di samping itu, pihak Kerajaan Negeri menyokong terus industri ini dengan meluluskan banyak pembangunan taman-taman burung Walet dan ada *tag line* tersendiri dalam burung Walet, iaitu, 'Modal sekali, untung selama-lamanya'.

Y.B. Dato' Speaker : Iya?

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pertanian dan Industri Asas Tani : Macam UMNOlah. Dulu, kini dan selama-lamanya. (Dewan ketawa).

Y.B. Dato' Speaker : Oh, ok. Machap.

Y.B. Datuk Haji Abd. Hamid bin Haji Abd. Rahman (Machap) : Ok, terima kasih Yang Berhormat Dato' Speaker, soalan tambahan. Baru-baru ini ada satu program Yang Berhormat Dato' Speaker, iaitu program untuk apa ni, memberi bantuan kepada, melalui PPRT iaitu program sebanyak RM10,000.00 untuk buat, untuk pengusaha burung Walet. Jadi, saya ingin tahu Yang Berhormat Dato' Speaker, sejauh manakah kejayaan program ini? Cukupkah dengan RM10,000.00 tu boleh bangunkan satu industri burung Walet kerana saya difahamkan, apa kalau nak buat satu, apa ni, satu rumah burung untuk burung Walet memerlukan hampir, dekat-dekat RM200, RM300,000.00. Jadi, saya ingin tahu, berapa banyak yang kita dah dapat, kemudian, sejauh mana kita memantau ataupun projek ni sekadar untuk orang kata lepas tu, habis gitu aje.

Y.B. Dato' Speaker : Iya.

Y.B. Datuk Haji Abd. Hamid bin Haji Abd. Rahman (Machap) : Jadi, saya ingin tahu sejauh mana. Adakah, apa ni, Jabatan Veterinar buat kajian yang menyeluruh sebelum apa dijalankan projek perusahaan burung Walet? Terima kasih Dato' Speaker.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pertanian dan Industri Asas Tani : Yang Berhormat Dato' Speaker, mengenai program itu, ia sebenarnya adalah Program Azam Tani yang kerajaan memilih daripada senarai nama e-Kasih bagi membantu masyarakat miskin dengan membina rumah-rumah burung Walet ini yang telah direka khas yang bernilai RM10,000.00. Maka di Johor ini, kita sudah ada lebih kurang 10 projek yang kebanyakan tertumpu kepada komuniti Orang Asli.

Y.B. Dato' Speaker : Ok, Yong Peng.

Y.B. Puan Lim Kee Moi (Yong Peng) : Yang Berhormat Dato' Speaker, soalan tambahan. Apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan Negeri supaya menggalakkan pengusaha burung Walet supaya berdaftar untuk gunakan sistem RFID supaya dapat mengesan asalnya itu burung Walet, itu hasil burung Walet dari Malaysia supaya dapat menentukan harga yang baik bagi pengusaha burung Walet kerana didapati itu hasil burung Walet itu, hasil itu ada aduan bahawa ada campur aduklah, ada yang tak tulen. Apakah langkah kerajaan untuk memastikan?

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pertanian dan Industri Asas Tani : Memang benar apa yang disebut. Pihak Kerajaan pada dasarnya sedang dalam proses mendaftarkan semua pengusaha burung Walet ini di Negeri Johor. Cuma masalahnya kerana mereka datang dulu, baru kita, setelah perusahaan ini berkembang baru kerajaan mengenal pasti bahawa ianya satu pelaburan yang perlu disusun semula. Maka hari ini, semua yang dilesenkan memang menggunakan RFID, iaitu satu sistem cip komputer yang boleh mengesan produk-produk daripada burung Walet ini. Dan memang hari ini, kerajaan sedang meningkatkan mutu produk burung Walet ini agar produk-produk daripada Malaysia ini menjadi produk yang terbaik di dunia.

Walau bagaimanapun, kita belum boleh mendakwa bahawa produk daripada Malaysia adalah yang terbaik daripada, di dunia ini. Dan produk daripada Malaysia hari ini telah dapat pasaran yang baik daripada Negeri China, Hong Kong, Taiwan dan juga Singapura. Dan kita menjangkakan dalam menjelang tahun 2020, ianya boleh menghasilkan pendapatan sejumlah RM5 bilion. Maka, hasrat ini memang dalam NKRA kerajaan untuk memastikan kejayaan industri burung Walet ini.

Y.B. Dato' Speaker : Maharani.

Y.B. Dr. Sheikh Ibrahim bin Salleh (Sungai Abong) : Yang Berhormat Dato' Speaker, bila kita bercakap tentang perusahaan burung Walet, maka semua pihak menyebutkan tentang keuntungan masa panjang. Burung Walet ialah burung hidupan liar, apabila kita mengubah habitat haiwan liar ini masuk ke dalam bandar dan sebagainya, adakah pihak kerajaan merasakan kemungkinan satu masa nanti bila kita mengubah habitat haiwan liar, dia akan mengundang wabak ataupun bahaya penyakit khususnya sesesama burung dan sebagainya, yang mana bukan setakat nak untung selama-lamanya, tapi dia akan mungkin rugi selama-lamanya. Jadi, adakah pihak kerajaan prihatin ataupun peka tentang keadaan ini? Terima kasih.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pertanian dan Industri Asas Tani : Yang Berhormat Dato' Speaker, memanglah asalnya, burung Walet ni dia habitatnya dalam gua, tapi oleh kerana pembangunan, jadi mereka keluar daripada gua. Jadi sekarang, pengusaha-pengusaha ni dia buat rumah burung Walet seakan-akan dalamnya macam gua. Jadi dalam tu dengan apa, suasananya, dengan kelembapan dia hampir sama macam gua. Sebab itu, pihak pengusaha-pengusaha ini dia kena mereka bangunan itu serupa seperti habitat asal.

Bagi mengelakkan wabak yang disebut oleh Yang Berhormat tadi, kerajaan telah menggariskan atau telah mengenakan satu garis panduan yang disebut, yang dilesenkan ini yang mana semua pengusaha-pengusaha ini perlu berdaftar dengan Jabatan Perkhidmatan Veterinar dan perlu mematuhi segala akta-akta yang mana dalam akta-akta ini melibatkan Akta Binatang, Akta Makanan Haiwan dan juga Amalan Baik Pertanian, Penternakan Haiwan dan salah satu ianya adalah SKV, Sijil Kesihatan Veterinar yang perlu diperolehi oleh pengusaha-pengusaha supaya produk-produk ini memang sah untuk dimakan dan selamat untuk dimakan.

Di samping itu, dalam 1GP, ianya bukan sahaja melibatkan satu jabatan, malah ianya juga melibatkan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan mengikut akta-akta KPKT. Selain itu, Kementerian Kesihatan juga terlibat dalam satu garis panduan ini bagi memastikan peraturan-peraturan kebersihan dapat diguna pakai. Terima kasih.

Y.B. Dato' Speaker : Ok. Yang Berhormat Encik Goh Tee Tee, jemput.

Y.B. Encik Goh Tee Tee (Tangkak) : Yang Berhormat Dato' Speaker, soalan nombor 7.

Adakah kerajaan bercadang memberi kadar potongan pakej sekurang-kurangnya 80% (sekarang hanya 50% dan dihadkan pada pakej RM90 sahaja) daripada kadar

biasa langganan bulanan jalur lebar *Streamyx* (semua jenis pakej) kepada golongan Orang Kurang Upaya (OKU) dibekalkan oleh Telekom Malaysia (TM)?

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Tenaga, Air, Komunikasi dan Alam Sekitar : Yang Berhormat Dato' Speaker, Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia mengambil dasar pasaran terbuka terhadap industri telekomunikasi. Rakyat Orang Kurang Upaya khususnya bebas memilih pakej-pakej yang ditawarkan oleh mana-mana pemberi perkhidmatan telekomunikasi berdasar kepada kemampuan masing-masing. Secara, Yang Berhormat Dato' Speaker, secara amnya terdapat banyak pakej yang ditawarkan oleh pemberi perkhidmatan telekomunikasi kepada golongan Orang Kurang Upaya bagi memastikan bahawa mereka juga dapat sama-sama *setanding* dengan rakyat biasa di dalam era teknologi ICT ini.

Yang Berhormat Dato' Speaker, terdapat beberapa pakej yang ditawarkan oleh Telekom Malaysia kepada golongan Orang Kurang Upaya iaitu pada pakej kelajuan 512 kilobait per saat. Telekomunikasi, Telekom Malaysia telah menawarkan potongan sebanyak 50% daripada harga pakej biasa RM90.00 kepada RM45.00; pada pakej kelajuan 1 mega bait per *second*, per saat, dengan izin, ditawarkan potongan sebanyak 40% daripada harga pakej biasa RM110.00 kepada RM66.00; pada pakej kelajuan 2 mega bait per saat, ditawarkan potongan sebanyak 20% daripada harga pakej biasa RM130.00 kepada RM99.00; dan pada pakej kelajuan 4 mega bait per saat, ditawarkan potongan sebanyak 10% daripada harga pakej biasa RM140.00 kepada RM128.00. Kesemua pakej yang ditawarkan ini adalah termasuk dengan yuran pemasangan serta modem yang diberikan secara percuma.

Yang Berhormat Dato' Speaker, ini merupakan kadar yang terendah yang dapat ditawarkan oleh Telekom Malaysia tanpa menjejaskan keuntungan dan kepentingan pemegang saham.

Y.B. Dato' Speaker : Ok, soalan lisan dah habis masanya. Sekiranya ada soalan yang disenaraikan belum dijawab secara lisan, akan dijawab secara bertulis dalam Persidangan yang sama.

Jurutulis : SOALAN BERTULIS. JAWAPAN KEPADA SOALAN-SOALAN BERTULIS OLEH AHLI-AHLI YANG BERHORMAT ADA DIBENTANGKAN DI ATAS MEJA MESYUARAT.

Y.B. Dato' Speaker : Ahli-Ahli Yang Berhormat, sebelum Persidangan diteruskan saya telah menerima satu surat daripada ADUN kawasan Skudai, untuk memohon rundingan tergepar berkaitan dengan kewangan YPJ dan YPJ Holdings, saya telah meneliti surat yang tersebut dan melihat dari segi Peraturan Mesyuarat. Pada saya rundingan tersebut tidak perlu dibawa dengan segera di sini kerana tidak mustahak kepada kepentingan am. Kedua usul ini ada saluran lain, seperti laporan audit, soalan bertulis, boleh dibuat pertanyaan dan ketiga, kalaulah perkara ini dibuat bermakna semua ADUN boleh buat pertanyaan tiap-tiap kali ada perkara yang tidak patut dibawa sebagai rundingan tergepar. Dan perkara-perkara ini boleh dibangkitkan dalam perbahasan Dewan Negeri bila diadakan, boleh ditimbulkan apa-apa juga. Maka dengan ini saya tolak usul yang tersebut.

Jurutulis : PERANGGARAN TAMBAHAN PEMBANGUNAN KEDUA TAHUN 2011.

Y.A.B. Dato' Menteri Besar : Yang Berhormat Dato' Speaker, saya mohon membawa rundingan, bahawa Dewan ini serta merta berpindah menjadi Jawatankuasa bagi keseluruhan Dewan Negeri untuk menimbangankan Peranggaran Tambahan Pembangunan Kedua Tahun 2011 yang telah dibentangkan sebagai Kertas Mesyuarat Bilangan 28 Tahun 2011 dan memperakukan sama ada Peranggaran itu patut diluluskan oleh Dewan ini dengan dipinda atau tidak dipinda.

Yang Berhormat Dato' Speaker, tambahan peruntukan pembangunan ini merupakan tambahan yang kedua bagi tahun 2011. Tambahan peruntukan pembangunan yang diperlukan adalah sebanyak RM6,370,000.00 di bawah tiga Jawatankuasa seperti berikut:

1. Jawatankuasa Perumahan Kerajaan Tempatan, Kerja Raya dan Kemudahan Awam Negeri Johor, RM5 juta.
2. Jawatankuasa Pertanian dan Industri Asas Tani Negeri Johor, RM200,000.00.
3. Jawatankuasa Agama Negeri Johor, RM1,170,000.00.

Penjelasan lanjut bagi tambahan-tambahan tersebut akan diberi diperingkat Jawatankuasa berkenaan.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan, Kerja Raya dan Kemudahan Awam : Yang Berhormat Dato' Speaker, saya menyokong rundingan itu.

Y.B. Dato' Speaker : Rundingan itu dikemukakan bagi mendapatkan keputusan. Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju. Rundingan itu dipersetujukan.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Perkara di hadapan Jawatankuasa ini adalah supaya peruntukan wang berjumlah RM200,000.00 bagi Maksud P.50, Jabatan Pertanian Negeri Johor dipersetujukan.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pertanian dan Industri Asas Tani : Yang Berhormat Dato' Pengerusi, bagi Maksud Pembangunan P.50, Jabatan Pertanian Negeri Johor memerlukan peruntukan tambahan sebanyak RM200,000.00 bagi menampung perbelanjaan melaksanakan kerja-kerja membina kemudahan baru dan memperbaiki kemudahan sedia ada, termasuk pejabat, pusat pertanian, kuarters, stor pagar dan jalan serta menggantikan alat-alat sedia ada yang tidak boleh digunakan lagi.

Y.B. Dato' Pengerusi : Perkara itu dikemukakan bagi mendapatkan keputusan. Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju. Perkara itu dipersetujukan.

Perkara di hadapan Jawatankuasa ini ialah supaya peruntukan wang berjumlah RM1juta bagi Maksud P.53, Kerajaan Tempatan Negeri Johor dan RM4 juta bagi Maksud P.60, Jabatan Kerja Raya Negeri Johor dipersetujukan.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan, Kerja Raya dan Kemudahan Awam : Yang Berhormat Dato' Pengerusi, bagi Maksud P.53, Kerajaan Tempatan Negeri Johor memerlukan peruntukan tambahan sebanyak RM1 juta bagi menampung perbelanjaan kerja-kerja menaik taraf landskap di sepanjang Jalan Skudai, Tebrau dan Tun Abdul Razak.

Dan bagi Maksud Pembangunan P.60, JKR memerlukan peruntukan tambahan sebanyak RM4 juta di mana RM1 juta diperlukan bagi menampung perbelanjaan kerja-kerja penyelenggaraan dan pembaikan kuarters, menaik taraf dan membina bangunan serta membaik pulih bangunan di seluruh negeri. Sebanyak RM500,000.00 pula diperlukan bagi menampung perbelanjaan membaik pulih dan menaik taraf padang Stadium Tan Sri Dato' Haji Hassan Yunus Johor Bahru, manakala selebihnya sebanyak RM2.5 juta diperlukan bagi menampung perbelanjaan bagi membaik pulih istana-istana seluruh Negeri Johor.

Y.B. Dato' Pengerusi : Perkara itu dikemukakan bagi mendapatkan keputusan. Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju. Perkara itu dipersetujukan.

Perkara di hadapan Jawatankuasa ini ialah supaya peruntukan wang berjumlah RM1,170,000.00 bagi Maksud P.58 Jabatan Agama Islam Negeri Johor dipersetujukan.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Agama : Yang Berhormat Dato' Pengerusi, bagi Maksud Pembangunan P.58, Jabatan Agama Negeri Johor, memerlukan peruntukan tambahan sebanyak RM1,170,000.00 di mana RM820,000.00 diperlukan bagi menampung perbelanjaan kerja-kerja penyelenggaraan Makam-Makam Di Raja. Manakala selebihnya sebanyak RM350,000.00 diperlukan bagi menampung perbelanjaan penyelenggaraan Masjid Abu Bakar Johor Bahru.

Y.B. Dato' Pengerusi : Perkara itu dikemukakan bagi mendapatkan keputusan. Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju. Perkara itu dipersetujukan.

Y.A.B. Dato' Menteri Besar : Yang Berhormat Dato' Pengerusi, oleh sebab Maksud-Maksud Peranggaran yang dinyatakan dalam Kertas Mesyuarat Bilangan 28 Tahun 2011 telah pun selesai ditimbang, maka saya membawa rundingan supaya ketetapan-ketetapan Jawatankuasa itu dimaklumkan serta merta kepada Dewan Negeri.

Y.B. Dato' Pengerusi : Perkara itu dikemukakan bagi mendapatkan keputusan. Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju. Perkara itu dipersetujukan.

Dewan Negeri bersidang semula.

Y.A.B. Dato' Menteri Besar : Yang Berhormat Dato' Speaker, saya mohon memaklumkan bahawa Jawatankuasa ini telah pun menimbang dan meluluskan tanpa pindaan Maksud-Maksud Peranggaran yang dinyatakan dalam Kertas Mesyuarat Bilangan 28 Tahun 2011. Dari itu, saya membawa rundingan supaya Dewan ini bersetuju bahawa peruntukan wang berjumlah RM6,370,000.00 yang dicadangkan bagi Peranggaran tambahan pembangunan kedua Tahun 2011 itu diluluskan oleh Dewan ini dan dengan ini mengambil ketetapan bahawa satu jumlah wang yang tidak melebihi RM6,370,000.00 hendaklah dibelanjakan daripada kumpulan wang pembangunan dalam Tahun Kewangan 2011 bagi menyempurnakan Maksud yang dinyatakan dalam Kertas Mesyuarat yang tersebut.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan, Kerja Raya dan Kemudahan Awam : Yang Berhormat Dato' Speaker, saya menyokong rundingan itu.

Y.B. Dato' Speaker : Rundingan itu dikemukakan bagi mendapatkan keputusan. Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju. Rundingan itu dipersetujukan.

Jurutulis : RANG UNDANG-UNDANG ENAKMEN PERBEKALAN TAMBAHAN (2011) (NO.3) TAHUN 2011.

Y.A.B. Dato' Menteri Besar : Yang Berhormat Dato' Speaker, saya mohon membawa rundingan supaya Rang Undang-Undang yang dinamakan Enakmen Perbekalan Tambahan (2011) (No. 3) Tahun 2011 dibacakan kali yang pertama.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan, Kerja Raya dan Kemudahan Awam : Yang Berhormat Dato' Speaker, saya menyokong rundingan itu.

Y.B. Dato' Speaker : Rang Undang-Undang ini dibaca kali yang pertama.

Jurutulis : SUATU ENAKMEN BAGI MENGGUNAKAN SEJUMLAH WANG DARIPADA KUMPULAN WANG DISATUKAN UNTUK PERBELANJAAN TAMBAHAN BAGI PERKHIDMATAN TAHUN 2011, DAN BAGI MEMPERUNTUKKAN WANG ITU UNTUK MAKSUD-MAKSUD YANG TERTENTU.

Y.A.B. Dato' Menteri Besar : Yang Berhormat Dato' Speaker, saya mohon memaklumkan bahawa saya akan membawa rundingan untuk bacaan kali yang kedua bagi Rang Undang-Undang ini pada hari ini juga. Dan saya membawa rundingan supaya Peraturan Tetap 112 (2) ditangguhkan sementara agar pertimbangan Rang Undang-Undang ini pada peringkat-peringkat yang lain dapat diselesaikan pada hari ini juga.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan, Kerja Raya dan Kemudahan Awam : Yang Berhormat Dato' Speaker, saya menyokong rundingan itu.

Y.B. Dato' Speaker : Rundingan itu dikemukakan bagi mendapatkan keputusan. Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan.

Y.B. Dr. Boo Cheng Hau (Skudai) : Dato' Speaker, menurut Peraturan 112 (2) saya minta rundingan ini diperbahaskan.

Y.B. Encik Ong Kow Meng (Senai) : Yang Berhormat Dato' Speaker, saya menyokong rundingan itu.

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat, rundingan ini tadi Yang Berhormat nak dibahaskan dalam masa Jawatankuasa. Tiap-tiap Jawatankuasa Yang Berhormat boleh tegur, dia bukan dah terlepas, Yang Berhormat bila dia sebut sahaja peruntukan Yang Berhormat boleh menyebutkan apa nak buat pertanyaan, ya. Peraturan Tetap 112.

Rundingan itu dikemukakan bagi mendapatkan keputusan. Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju. Peraturan Tetap 112 (2) ditangguhkan sementara.

Y.B. Dr. Boo Cheng Hau (Skudai) : Dato' Speaker, menurut Peraturan Tetap 112 (2) sebarang Undang-Undang berkenaan dengan kewangan mesti diperbahaskan lepas bacaan kedua.

Y.B. Dato' Speaker : Taklah, bacaan kedua tadi Jawatankuasa, bacaan ketiga dah lulus. Yang pertama dia bawa, yang kedua Jawatankuasa, dalam Jawatankuasa Yang Berhormat boleh bahas, saya dah cakap berapa kali, dalam Jawatankuasa boleh, sama dengan Parlimen. Bila masuk Jawatankuasa Ketiga diluluskan.

Y.B. Dr. Boo Cheng Hau (Skudai) : Tapi bacaan kedua di sokong oleh Yang Berhormat Pengerusi Kerajaan Tempatan.

Y.B. Dato' Speaker : Takdelah, itu peruntukan orang ini, nanti dia belum masuk dalam Jawatankuasa lagi ni. Yang Berhormat, sampai habis nanti Yang Berhormat bertemu. Jemput Yang Berhormat, Allah kacau betullah tak baca Peraturan ni.

Y.A.B. Dato' Menteri Besar : Yang Berhormat Dato' Speaker, saya mohon membawa rundingan supaya Rang Undang-Undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang. Tambahan peruntukan ini merupakan tambahan yang ketiga bagi Perbelanjaan Bekalan Tahun 2011. Tambahan peruntukan yang diperlukan adalah sebanyak RM21,952,000.00 sebagaimana yang dimaksudkan dalam Enakmen Perbekalan Tambahan di bawah enam Jawatankuasa seperti berikut:

1. Jawatankuasa Hasil Bumi, Pentadbiran, Kewangan, Perancangan dan Pembangunan Ekonomi Negeri Johor, RM4,547,000.00.
2. Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan, Kerja Raya dan Kemudahan Awam Negeri Johor, RM4,217,000.00
3. Jawatankuasa Pembangunan Wanita dan Keluarga, Kebajikan Masyarakat dan Kesihatan Negeri Johor, RM7,660,000.00

4. Jawatankuasa Agama Negeri Johor, RM5,247,000.00
5. Jawatankuasa Pelancongan dan Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna Negeri Johor, RM32,000.00
6. Jawatankuasa Pertanian dan Industri Asas Tani Negeri Johor, RM249,000.00

Penjelasan lanjut bagi tambahan-tambahan tersebut akan diberi di peringkat Jawatankuasa berkenaan.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan, Kerja Raya dan Kemudahan Awam : Yang Berhormat Dato' Speaker, saya menyokong rundingan tersebut.

Y.B. Dato' Pengerusi : Rundingan di hadapan Dewan ini ialah supaya Rang Undang-Undang ini dibaca kali yang kedua sekarang. Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju Rang Undang-Undang ini dibaca kali yang kedua.

Jurutulis : Suatu Enakmen bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perbelanjaan tambahan bagi perkhidmatan tahun 2011 dan bagi memperuntukkan wang itu untuk maksud-maksud yang tertentu.

Y.B. Dato' Speaker : Dewan Bersidang Sebagai Jawatankuasa.

Y.B. Dr. Boo Cheng Hau (Skudai) : Menurut Peraturan Tetap 112 (2) dan 114, saya memohon supaya Rang Undang-Undang ini dibahaskan.

Y.B. Dato' Pengerusi : Yang Berhormat tak payah sebut. Bila sampai masa, Yang Berhormat bangun. Ini jemput teruskan. Dia belum habis baca. Nanti saya baca.

Jurutulis : JADUAL

Y.B. Dato' Pengerusi : Perkara di hadapan Jawatankuasa ini ialah supaya peruntukan wang berjumlah RM40,000.00 bagi Maksud B.03, Pejabat Setiausaha Kerajaan Johor, Bahagian Pengurusan; RM170,000.00 bagi Maksud B.03, Pejabat Setiausaha Kerajaan Johor, Pelbagai Perkhidmatan; RM89,000.00 bagi Maksud B.03, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Johor, Unit Perancang Ekonomi Negeri Johor. RM430,000.00 bagi Maksud B.03, Pejabat Setiausaha Kerajaan Johor, Pejabat Jurutulis Dewan Negeri Johor; RM315,000.00 bagi Maksud B.03, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Johor, Bahagian Pengurusan Sumber Manusia Negeri Johor dan RM7,000.00 bagi Maksud B.03, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Johor, Unit Sains Teknologi dan ICT Negeri Johor jadi; sebahagian daripada Jadual Rang Undang-Undang itu.

Y.A.B. Dato' Menteri Besar : Yang Berhormat Dato' Pengerusi, di bawah Maksud Bekalan B.03, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri, Bahagian Pengurusan di peruntukan sebanyak RM40,000.00 bagi menampung bayaran elaun khas

tanggungjawab bagi jawatan kenaikan pangkat secara hakiki bagi kumpulan sokongan.

Di bawah Maksud Bekalan B.03, Pejabat Setiausaha Kerajaan Johor, Pelbagai Perkhidmatan diperuntukkan sebanyak RM170,000.00 bagi menampung bayaran ganjaran tamat perkhidmatan Ketua-ketua Kampung.

Di bawah Maksud Bekalan B.03, Pejabat Setiausaha Kerajaan Johor, Unit Perancangan Ekonomi Negeri Johor; diperuntukkan sebanyak RM89,000.00 bagi menampung bayaran Elaun Tidak Berpencen kepada Pegawai-pegawai jabatan dan Elaun Khas Tanggungjawab bagi jawatan kenaikan pangkat secara hakiki bagi Kumpulan Sokongan.

Di bawah Maksud Bekalan B.03, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri, Pejabat Jurutulis Dewan Undangan Negeri diperuntukkan sebanyak RM430,000.00 di mana sebanyak RM414,000.00 diperlukan bagi menampung pembayaran emolumen anggota-anggota jabatan dan sebanyak RM12,000.00 diperlukan bagi menampung perbelanjaan di bawah pemilikan aset manakala selebihnya sebanyak RM4,000.00 diperlukan bagi menampung bayaran gantian cuti rehat kepada anggota yang bersara.

Di bawah Maksud Bekalan B.03, Pejabat Setiausaha Kerajaan Johor, Bahagian Pengurusan Sumber Manusia diperuntukkan sebanyak RM315,000.00 bagi menampung bayaran di bawah perkhidmatan dan bekalan jabatan.

Dan di bawah Maksud Bekalan B.03, Pejabat Setiausaha Kerajaan Johor, Unit Sains dan Teknologi dan ICT Negeri diperuntukkan sebanyak RM7,000.00 bagi menampung pembayaran emolumen anggota-anggota jabatan.

Y.B. Dato' Pengerusi : Ok, tak ada apa-apa. Perkara itu dikemukakan bagi mendapatkan keputusan. Ahli-ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju. Perkara itu dipersetujukan.

Perkara di hadapan Jawatankuasa ini ialah supaya peruntukan wang berjumlah RM109,000.00 bagi Maksud B.03, Pejabat Setiausaha Kerajaan Johor, Bahagian Kerajaan Tempatan; RM194,000.00 bagi Maksud B.03, Pejabat Setiausaha Kerajaan Johor, Bahagian Perumahan; RM197,000.00 bagi Maksud B.03, Pejabat Setiausaha Kerajaan Johor, Landskap jadi sebahagian daripada Jadual Rang Undang-Undang ini.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan, Kerja Raya dan Kemudahan Awam : Di bawah Maksud Bekalan B.03, Pejabat Setiausaha Kerajaan, Bahagian Kerajaan Tempatan diperuntukkan sebanyak RM109,000.00 bagi menampung pembayaran emolumen anggota-anggota jabatan di bawah pejabat ini.

Dan bagi Maksud B.03, juga yang sama bagi Pejabat Setiausaha Kerajaan Johor, Bahagian Perumahan pula diperuntukkan sebanyak RM194,000.00. Sebanyak RM193,000.00 adalah perlu bagi tampung bayar emolumen anggota-anggota jabatan

manakala selebihnya sebanyak RM1,000.00 perlu bagi menampung bayaran gantian cuti rehat kepada anggota yang bersara.

Dan di bawah Maksud B.03, Pejabat Setiausaha Kerajaan Johor, Landskap pula diperlukan sebanyak RM197,000.00. Sebanyak RM192,000.00 perlu untuk bayar emolumen anggota-anggota jabatan manakala yang lebihnya sebanyak RM5,000.00 pula adalah perlu untuk bayar tuntutan perjalanan dan sara hidup anggota-anggota jabatan.

Y.B. Dato' Pengerusi : Perkara itu dikemukakan bagi mendapatkan keputusan. Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju. Perkara itu dipersetujukan.

Perkara di hadapan Jawatankuasa ini ialah supaya peruntukan wang berjumlah RM32,000.00 bagi Maksud B.03, Pejabat Setiausaha Kerajaan Johor, Pelancongan jadi sebahagian daripada Jadual Rang Undang-Undang ini.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan dan Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna : Yang Berhormat Dato' Pengerusi, di bawah Maksud Bekalan B.03, Pejabat Setiausaha Kerajaan Johor, Pelancongan diperuntukkan sebanyak RM32,000.00 bagi menampung pembayaran emolumen anggota-anggota jabatan.

Y.B. Dato' Pengerusi : Perkara itu dikemukakan bagi mendapatkan keputusan. Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju. Perkara itu dipersetujukan.

Perkara di hadapan Jawatankuasa ini ialah supaya peruntukan wang berjumlah RM110,000.00 bagi Maksud B.04, Pejabat Perbendaharaan Negeri Johor jadi sebahagian daripada Jadual Rang Undang-Undang ini.

Y.A.B. Dato' Menteri Besar : Yang Berhormat Dato' Pengerusi, di bawah Maksud Bekalan B.04, Pejabat Perbendaharaan Negeri Johor diperuntukkan sebanyak RM110,000.00 bagi menampung bayaran imbuhan tahunan dan bayaran khas prestasi kepada anggota-anggota jabatan.

Y.B. Dato' Pengerusi : Perkara itu dikemukakan bagi mendapatkan keputusan. Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju. Perkara itu dipersetujukan.

Perkara di hadapan Jawatankuasa ini ialah supaya peruntukan wang berjumlah RM249,000.00 bagi Maksud B.10, Pejabat Perkhidmatan Veterinar Negeri Johor jadi sebahagian daripada Jadual Rang Undang-Undang ini.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pertanian dan Industri Asas Tani : Yang Berhormat Dato' Pengerusi di bawah Maksud Bekalan B.10, Pejabat Perkhidmatan Veterinar Negeri Johor diperuntukkan RM249,000.00. Sebanyak RM148,000.00 diperlukan bagi menampung pembayaran emolumen anggota-anggota jabatan. Sebanyak RM100,000.00 bagi menampung perbelanjaan di bawah perkhidmatan dan bekalan jabatan manakala selebihnya sebanyak RM1,000.00 diperlukan bagi menampung bayaran gantian cuti rehat bagi anggota-anggota jabatan yang telah bersara.

Y.B. Dato' Pengerusi : Perkara itu dikemukakan bagi mendapatkan keputusan. Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju. Perkara itu dipersetujukan.

Perkara di hadapan Jawatankuasa ini ialah supaya peruntukan wang berjumlah RM175,000.00 bagi Maksud B.13, Perancang Bandar dan Desa Negeri Johor jadi sebahagian daripada Jadual Rang Undang-Undang ini.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan, Kerja Raya dan Kemudahan Awam : Yang Berhormat Dato' Pengerusi, bagi Maksud B.13, Perancang Bandar dan Desa Negeri Johor, diperuntukkan sebanyak RM175,000.00 dan daripada jumlah ini sebanyak RM162,000.00 adalah perlu untuk tampung bayar emolumen anggota-anggota jabatan manakala yang lebihnya sebanyak RM13,000.00 itu diperlukan bagi bayar gantian cuti rehat bagi anggota-anggota jabatan yang bersara.

Y.B. Dato' Pengerusi : Perkara itu dikemukakan bagi mendapatkan keputusan. Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju. Perkara itu dipersetujukan.

Perkara di hadapan Jawatankuasa ini ialah supaya peruntukan wang berjumlah RM53,000.00 bagi Maksud B.19, Pejabat Perhutanan Negeri Johor jadi sebahagian daripada Jadual Rang Undang-Undang ini.

Y.A.B Dato' Menteri Besar : Yang Berhormat Dato' Pengerusi di bawah Maksud Bekalan B.19, Pejabat Perhutanan Negeri diperuntukkan RM53,000.00. Di mana RM43,000.00 diperlukan bagi menampung pembayaran emolumen anggota-anggota jabatan manakala selebihnya sebanyak RM10,000.00 bagi menampung perbelanjaan di bawah perkhidmatan dan bekalan jabatan.

Y.B. Dato' Pengerusi : Perkara itu dikemukakan bagi mendapatkan keputusan. Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju. Perkara itu dipersetujukan.

Perkara di hadapan Jawatankuasa ini ialah supaya peruntukan wang berjumlah RM3,748,000.00 bagi Maksud B.21, Jabatan Agama Islam Negeri Johor dan RM1,401,000.00 Bagi Maksud B.22, Pendidikan Agama Islam Negeri Johor jadi sebahagian daripada Jadual Rang Undang-Undang ini.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Agama : Yang Berhormat Dato' Pengerusi di bawah Maksud Bekalan B.21, Jabatan Agama Islam Negeri Johor diperuntukkan sebanyak RM3,748,000.00. Sebanyak RM2,520,000.00 diperlukan bagi menampung bayaran emolumen anggota-anggota jabatan. Sebanyak RM1,195,000.00 bagi menampung perbelanjaan di bawah perkhidmatan jabatan manakala selebihnya sebanyak RM33,000.00 bagi menampung bayaran gantian cuti rehat bagi anggota-anggota jabatan yang telah bersara.

Sementara itu di bawah Maksud Bekalan B.22, Pendidikan Agama Islam Negeri Johor diperuntukkan sebanyak RM1,401,000.00. Sebanyak RM620,000.00 diperlukan bagi menampung bayaran elaun tetap anggota-anggota jabatan. Sebanyak RM532,000.00 diperlukan bagi menampung perbelanjaan di bawah perhubungan dan utiliti jabatan.

Manakala selebihnya sebanyak RM249,000.00 bagi menampung bayaran elaun tambahan KWSP guru-guru KAFA.

Y.B. Dato' Pengerusi : Perkara itu dikemukakan bagi mendapatkan keputusan. Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju. Perkara itu dipersetujukan.

Perkara di hadapan Jawatankuasa ini ialah supaya peruntukan wang berjumlah RM7,660,000.00 bagi Maksud B.23, Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri jadi sebahagian daripada Jadual Rang Undang-Undang ini.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita dan Keluarga, Kebajikan Masyarakat dan Kesihatan : Yang Berhormat Dato' Pengerusi, di bawah Maksud Bekalan B.23, Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Johor diperuntukkan sebanyak RM7,660,000.00 dan sebanyak RM160,000.00 diperlukan bagi menampung bayaran emolumen anggota-anggota jabatan manakala selebihnya sebanyak RM7,500,000.00 diperlukan bagi menampung pemberian dalam negeri seperti Bantuan Am, Bantuan Geran NGO, Bantuan Amal Jariah Ramadhan, dan Bantuan-Bantuan Bencana di seluruh Negeri Johor.

Y.B. Dato' Pengerusi : Perkara itu dikemukakan bagi mendapatkan keputusan. Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju. Perkara itu dipersetujukan.

Perkara di hadapan Jawatankuasa ini ialah supaya peruntukan wang berjumlah RM3,542,000.00 bagi Maksud B.24, Jabatan Kerja Raya Negeri Johor jadi sebahagian daripada Jadual Rang Undang-Undang ini.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan, Kerja Raya dan Kemudahan Awam : Yang Berhormat Dato' Pengerusi di bawah Maksud Bekalan B.24, Jabatan Kerja Raya Negeri Johor, peruntukan sebanyak RM3,542,000.00. Sebanyak RM3,042,000.00 diperlukan bagi menampung tambahan bayaran emolumen kepada anggota-anggota Jabatan manakala yang selebihnya sebanyak RM500,000.00 itu pula ialah untuk menampung perbelanjaan perkhidmatan dan bekalan Jabatan.

Y.B. Dato' Pengerusi : Perkara itu dikemukakan bagi mendapatkan keputusan. Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju perkara itu dipersetujukan.

Perkara di hadapan Jawatankuasa ini ialah supaya peruntukan wang berjumlah RM431,000.00 bagi Maksud B.26, Muzium Diraja Abu Bakar Johor jadi sebahagian daripada Jadual Rang Undang-Undang ini.

Y.A.B Dato' Menteri Besar : Yang Berhormat Dato' Pengerusi, di bawah Maksud Bekalan, B.26, Muzium Diraja Abu Bakar diperuntukkan sebanyak RM431,000.00. Sebanyak RM326,000.00 diperlukan bagi menampung bayaran emolumen kepada anggota-anggota Jabatan manakala selebihnya sebanyak RM105,000.00 diperlukan bagi menampung perbelanjaan di bawah Perkhidmatan dan Bekalan Jabatan.

Y.B. Dato' Pengerusi : Perkara itu dikemukakan bagi mendapatkan keputusan. Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju perkara itu dipersetujukan.

Perkara di hadapan Jawatankuasa ini ialah supaya peruntukan wang berjumlah RM10,000.00 bagi Maksud B.29, Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Johor dan RM88,000.00 bagi Maksud B32, Jabatan Mufti Negeri Johor jadi sebahagian daripada Jadual Rang Undang-Undang ini.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Agama : Yang Berhormat Dato' Pengerusi, di bawah Maksud Bekalan, B.29, Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Johor, diperuntukkan sebanyak RM10,000.00 bagi menampung bayaran elaun tetap kepada anggota-anggota Jabatan.

Manakala bagi Maksud Bekalan, B.32, Jabatan Mufti Negeri Johor diperuntukkan sebanyak RM88,000.00 bagi menampung bayaran emolumen kepada anggota-anggota Jabatan.

Y.B. Dato' Pengerusi : Perkara itu dikemukakan bagi mendapatkan keputusan. Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju perkara itu dipersetujukan.

Perkara di hadapan Jawatankuasa ini ialah supaya peruntukan wang berjumlah RM208,000.00 bagi Maksud B.41, Pejabat Daerah Johor Bahru, Johor; RM101,000.00 bagi Maksud B.43, Pejabat Daerah Batu Pahat, Johor; RM83,000.00 bagi Maksud B.45, Pejabat Daerah Segamat; RM66,000.00 bagi Maksud B.46, Pejabat Daerah Kluang; RM139,000.00 bagi Maksud B.47, Pejabat Daerah Kota Tinggi, RM98,000.00 bagi Maksud B.48, Pejabat Daerah Mersing; RM6,000.00 bagi Maksud B.49, Pejabat Daerah Kulaijaya, RM129,000.00 bagi Maksud B.50, Pejabat Daerah Ledang; RM51,000.00 bagi Maksud B.51, Pejabat Tanah Dan Galian Johor; RM275,000.00 bagi Maksud B.52, Pejabat Tanah Johor Bahru; RM57,000.00 bagi Maksud B.53, Pejabat Tanah Muar; RM214,000.00 bagi Maksud B.54, Pejabat Tanah Batu Pahat; RM149,000.00 bagi Maksud B.55, Pejabat Tanah Pontian; RM214,000.00 bagi Maksud B.56, Pejabat Tanah Segamat; RM248,000.00 bagi Maksud B.57, Pejabat Tanah Kluang; RM338,00.00 bagi Maksud B.58, Pejabat Tanah Kota Tinggi; RM175,000.00 bagi Maksud B.59, Pejabat Tanah Mersing; RM181,00.00 bagi Maksud B.60, Pejabat Tanah Kulaijaya, Johor dan RM170,000.00 bagi Maksud B.61, Pejabat Tanah Ledang, Johor jadi sebahagian daripada Jadual Rang Undang-Undang ini.

Y.A.B Dato' Menteri Besar : Yang Berhormat Dato' Pengerusi, di bawah Maksud Bekalan B.41, Pejabat Daerah Johor Bahru, diperuntukkan sebanyak RM208,000.00, sebanyak RM111,000.00 diperlukan bagi menampung tambahan bayaran emolumen kepada anggota-anggota Jabatan, manakala selebihnya sebanyak RM97,000.00 diperlukan bagi menampung pembelian kenderaan Jabatan.

Di bawah Maksud Bekalan B.43, Pejabat Daerah Batu Pahat, diperuntukkan sebanyak RM101,000.00. Sebanyak RM57,000.00 diperlukan bagi menampung tambahan bayaran emolumen kepada anggota-anggota Jabatan, dan sebanyak RM6,000.00

diperlukan bagi menampung bayaran elaun perpindahan anggota-anggota Jabatan manakala selebihnya sebanyak RM38,000.00 diperlukan bagi menampung bayaran gantian cuti rehat kepada anggota-anggota Jabatan yang bersara pada tahun 2011.

Di bawah Maksud Bekalan B.45, Pejabat Daerah Segamat, diperuntukkan sebanyak RM83,000.00 bagi menampung tambahan bayaran emolumen kepada anggota-anggota Jabatan.

Di bawah Maksud Bekalan B.46, Pejabat Daerah Kluang, diperuntukkan sebanyak RM66,000.00. Sebanyak RM51,000.00 diperlukan bagi menampung tambahan bayaran emolumen kepada anggota-anggota Jabatan, manakala selebihnya RM15,000.00 diperlukan bagi menampung perbelanjaan di bawah Perkhidmatan dan Bekalan Jabatan.

Di bawah Maksud Bekalan B.47, Pejabat Daerah Kota Tinggi, diperuntukkan sebanyak RM139,000.00. RM107,000.00 diperlukan bagi menampung tambahan bayaran emolumen kepada anggota-anggota Jabatan. Sebanyak RM20,000.00 diperlukan bagi menampung bayaran tuntutan perjalanan dan sara hidup anggota-anggota Jabatan manakala selebihnya RM12,000.00 diperlukan bagi menampung bayaran gantian cuti rehat kepada anggota-anggota Jabatan yang bersara pada tahun 2011.

Di bawah Maksud Bekalan B.48, Pejabat Daerah Mersing, diperuntukkan sebanyak RM98,000.00 bagi menampung tambahan bayaran emolumen kepada anggota-anggota Jabatan.

Di bawah Maksud Bekalan B.49, Pejabat Daerah Kulaijaya, diperuntukkan sebanyak RM6,000.00 bagi menampung tambahan bayaran elaun tetap anggota-anggota Jabatan.

Di bawah Maksud Bekalan B.50, Pejabat Daerah Ledang, diperuntukkan RM129,000.00. Sebanyak RM123,000.00 diperlukan bagi menampung tambahan bayaran emolumen kepada anggota-anggota Jabatan, manakala selebihnya RM6,000.00 diperlukan bagi menampung bayaran ganjaran kepada anggota Jabatan yang menyambung perkhidmatan secara kontrak.

Di bawah Maksud Bekalan B.51, Pejabat Tanah Dan Galian Johor, diperuntukkan sebanyak RM51,000.00 bagi menampung tambahan bayaran emolumen kepada anggota-anggota Jabatan.

Di bawah Maksud Bekalan B.52, Pejabat Tanah Johor Bahru, diperuntukkan sebanyak RM275,000.00. Sebanyak RM170,000.00 diperlukan bagi menampung tambahan bayaran emolumen kepada anggota-anggota Jabatan, manakala selebihnya sebanyak RM105,000.00 diperlukan bagi menampung perbelanjaan di bawah Perkhidmatan dan Bekalan Jabatan.

Di bawah Maksud Bekalan B.53, Pejabat Tanah Muar, diperuntukkan sebanyak RM57,000.00 bagi menampung bayaran elaun tetap anggota-anggota Jabatan.

Di bawah Maksud Bekalan B.54, Pejabat Tanah Batu Pahat, diperuntukkan sebanyak RM214,000.00 dan sebanyak RM211,000.00 diperlukan bagi menampung tambahan bayaran emolumen kepada anggota-anggota Jabatan, manakala selebihnya sebanyak RM3,000.00 diperlukan bagi menampung pembelian 4 unit alat telekomunikasi mudah alih kepada pegawai-pegawai Jabatan.

Di bawah Maksud Bekalan B.55, Pejabat Tanah Pontian, diperuntukkan sebanyak RM149,000.00. Sebanyak RM135,000.00 diperlukan bagi menampung tambahan bayaran emolumen kepada anggota-anggota Jabatan. Sebanyak RM11,000.00 diperlukan bagi menampung perbelanjaan di bawah Perkhidmatan dan Bekalan Jabatan, manakala selebihnya RM3,000.00 diperlukan bagi menampung bayaran gantian cuti rehat kepada anggota-anggota Jabatan yang bersara.

Di bawah Maksud Bekalan B.56, Pejabat Tanah Segamat, diperuntukkan sebanyak RM214,000.00. Sebanyak RM172,000.00 diperlukan bagi menampung tambahan bayaran emolumen kepada anggota-anggota Jabatan, manakala selebihnya RM42,000.00 diperlukan bagi menampung perbelanjaan di bawah Perkhidmatan dan Bekalan Jabatan.

Di bawah Maksud Bekalan B.57, Pejabat Tanah Kluang, diperuntukkan sebanyak RM248,000.00 dan sebanyak RM183,000.00 diperlukan bagi menampung tambahan bayaran emolumen kepada anggota-anggota Jabatan, manakala selebihnya RM65,000.00 diperlukan bagi menampung perbelanjaan di bawah Perkhidmatan dan Bekalan Jabatan.

Di bawah Maksud Bekalan B.58, Pejabat Tanah Kota Tinggi, diperuntukkan sebanyak RM338,000.00. Sebanyak RM278,000.00 diperlukan bagi menampung tambahan bayaran emolumen kepada anggota-anggota Jabatan dan sebanyak RM42,000.00 diperlukan bagi menampung perbelanjaan di bawah Perkhidmatan dan Bekalan Jabatan. Selain itu sebanyak RM10,000.00 diperlukan bagi menampung pembelian Harta Modal Jabatan, manakala selebihnya sebanyak RM8,000.00 diperlukan bagi menampung bayaran gantian cuti rehat kepada anggota Jabatan yang telah meninggal dunia.

Di bawah Maksud Bekalan B.59, Pejabat Tanah Mersing, diperuntukkan sebanyak RM175,000.00. Sebanyak RM148,000.00 diperlukan bagi menampung tambahan bayaran emolumen kepada anggota-anggota Jabatan, manakala selebihnya RM27,000.00 diperlukan bagi menampung perbelanjaan di bawah Perkhidmatan dan Bekalan Jabatan.

Di bawah Maksud Bekalan B.60, Pejabat Tanah Kulaijaya, diperuntukkan sebanyak RM181,000.00. Sebanyak RM98,000.00 diperlukan bagi menampung pembayaran emolumen kepada anggota-anggota Jabatan, manakala selebihnya sebanyak RM83,000.00 diperlukan bagi menampung perbelanjaan di bawah Perkhidmatan dan Bekalan Jabatan.

Di bawah Maksud Bekalan B.61, Pejabat Tanah Ledang, diperuntukkan sebanyak RM170,000.00. Sebanyak RM120,000.00 diperlukan bagi menampung tambahan

bayaran emolumen kepada anggota-anggota Jabatan, manakala selebihnya sebanyak RM50,000.00 diperlukan bagi menampung perbelanjaan perjalanan dan sara hidup Jabatan.

Y.B. Dato' Pengerusi : Perkara itu dikemukakan bagi mendapatkan keputusan. Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju perkara itu dipersetujukan.

Jadual jadi sebahagian daripada Jadual Rang Undang-Undang ini.

Jurutulis : FASAL 2

Y.B. Dato' Pengerusi : Perkara daripada Jawatankuasa ini ialah supaya Fasal 2 jadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang ini. Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju Fasal 2 jadi sebahagian daripada Jadual Rang Undang-Undang ini.

Jurutulis : FASAL YANG PERTAMA

Y.B. Dato' Pengerusi : Perkara di hadapan Jawatankuasa ini ialah supaya Fasal Yang Pertama jadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang ini. Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju Fasal Yang Pertama jadi sebahagian daripada jadual Rang Undang-Undang ini.

Dewan Negeri bersidang semula.

Y.A.B. Dato' Menteri Besar : Yang Berhormat Dato' Speaker, saya ingin memaklumkan bahawa Rang Undang-Undang ini telah pun ditimbang dalam Jawatankuasa satu persatunya dan dipersetujukan tanpa pindaan. Maka saya membawa rundingan supaya Rang Undang-Undang ini dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan sekarang.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan, Kerja Raya dan Kemudahan Awam : Yang Berhormat Dato' Speaker, saya menyokong rundingan itu.

Y.B. Dato' Speaker : Rundingan di hadapan Jawatankuasa ini ialah supaya Rang Undang-Undang ini dinamakan Enakmen Perbekalan Tambahan 2011 (No.3) Tahun 2011 dibaca kali yang ketiga dan diluluskan sekarang. Rundingan itu dikemukakan bagi mendapatkan keputusan.

Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju, Rang Undang-Undang ini dibaca kali yang ketiga dan diluluskan.

Jurutulis : Bahawa dengan ini adalah diperbuat Undang-Undang oleh Dewan Negeri Johor seperti berikut:- Enakmen ini bolehlah dinamakan Enakmen Perbekalan Tambahan 2011 (No.3) Tahun 2011.

Y.B. Dr. Boo Cheng Hau (Skudai) : Bantahan, sebab tadi saya sudah sebut ikut Peraturan 112 (2) sebaik sahaja bacaan kedua telah disokong oleh Yang Berhormat Pengerusi, kita boleh bangun untuk minta...

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat, saya tadi, saya dah cakap, dalam perbahasan Jawatankuasa kali yang pertama akan disebut. Ok. Akan disebut bacaan kali yang kedua. Maka Pengerusi yang berkenaan akan menyebut Perbelanjaan sebanyak RM100 juta untuk perbelanjaan buat jalan. Dia habis aja Yang Berhormat boleh bangun, bahas. Dia bukan dan saya sebut semua, sebab itu saya nak tengok kebijaksanaan Yang Berhormat. Ini Peraturan. Dia bukan Jawatankuasa, Yang Berhormat boleh cakap macam semua nak bahas ikut macam perbahasan. Tidak. Nanti dia sebut, Pejabat Daerah Kulai perbelanjaan sebanyak untuk bayar emolumen, dan ini, ini. Yang Berhormat saya ingin tahu, kenapa gini, gini. Itu Yang Berhormat bangun. Boleh bangun, tiap-tiap, tapi bukan keseluruhan. Ini dalam Peraturan Yang Berhormat. Jawatankuasa itu penting. Tapi Yang Berhormat tak bangun. Saya cakap macam mana, diam aja. Saya pun terus ajalah. Itu Yang Berhormat boleh tanya, dalam Jawatankuasa. Itu yang dikatakan bahas Yang Berhormat sebut tadi. Ya. Bukan makna Yang Berhormat saya melarang tak boleh tegur kerana kerajaan takut, tak ada. Jawatankuasa boleh bangun, tiap-tiap Pejabat DO Kulai, apa dia nak belanja, Yang Berhormat boleh bangun. Masa Jawatankuasa bacaan kali kedua. Bila bacaan yang pertama dan ketiga dah habis cerita, tak ada benda lagi. Dulu saya dah ingat. Bahas, masa Jawatankuasa tu boleh bahas. Yang Berhormat akan sebut.

Y.B. Dr. Boo Cheng Hau (Skudai) : Mungkin kita dapatkan pandangan Penasihat Undang-Undang, sebab ini Dato' Speaker ...

Y.B. Dato' Speaker : Eh, apa nak dapat Penasihat Undang-Undang. Saya kat Parlimen...

Y.B. Dr. Boo Cheng Hau (Skudai) : Perkara Undang-Undang ini boleh dibahaskan ...

Y.B. Dato' Speaker : Bukan, Yang Berhormat, Yang Berhormat ni faham tak? Boleh dibahas. Boleh dibahas. Bila Yang Berhormat nak bahas? Dalam masa Bacaan Kali Kedua dalam Jawatankuasa.

Y.B. Dr. Boo Cheng Hau (Skudai) : Dia tak sebut.

Y.B. Dato' Haji Osman bin Haji Sopian (Kempas) : Yang Berhormat Dato' Speaker, saya rasa masalah ini tak usah dilayan sangatlah. Remeh-temeh.

Y.B. Dato' Speaker : Saya pun rasa tu temeh.

Y.B. Dato' Haji Osman bin Haji Sopian (Kempas) : Suruh dia baca buku Peraturan Mesyuarat tu jelah. Terima kasih.

Y.B. Dato' Speaker : Oklah, saya pertama nak layan. Jangan besok keluar kat akhbar seolah kita melarang. Hah, ni Ahli daripada, Skudai nak berucap tak boleh, Speaker larang. Jadi seolah keluar surat khabar, surat khabar Melayu tak keluarlah. Surat

khobar Cina selalu keluar. Ha, Speaker melarang ADUN Skudai bercakap pasal dia langgar Peraturan. Padahal dia tak ikut Peraturan dan saya tak larang. Bila sampai baca sampai jawatankuasa sebutlah tak nak bangun. Nanti dia suruh ini emolumen untuk bayar overtime RM7,000.00. Apa pasal banyak sangat? Boleh soal. Terpulang pada kerajaan jawab. Ha, itu masa itu. Dah Yang Berhormat saya tak naklah ini. Dah tak ada benda lain kecil-kecil. Ini kes Bukit Kepong lagi berat tak ada pula usul.

Y.B. Dr. Boo Cheng Hau (Skudai) : Sekiranya bukan perkara kecil sebab kita nak...

Y.B. Dato' Speaker : Tak ada.

Y.B. Dr. Boo Cheng Hau (Skudai) : Kalau ada belanjawan...

Y.B. Dato' Haji Abdul Halim bin Suleiman (Puteri Wangsa) : Yang Berhormat Dato' Speaker, kena faham. Dia ni tak faham sebenarnya.

Y.B. Dr. Boo Cheng Hau (Skudai) : Meliputi perbelanjaan.

Y.B. Dato' Haji Abdul Halim bin Suleiman (Puteri Wangsa) : Ikut Peraturan Yang Berhormat. Ikut Peraturan.

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat...

Y.B. Dato' Haji Abdul Halim bin Suleiman (Puteri Wangsa) : Dah terangkan takkan tak faham lagi?

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat, dia memang suka begitu. Kalau saya bertengkar kang bertengkarlah besok keluar surat khobar bertengkarlah macam hebat sangat. Padahal tak betul. Ok, dahlah. Mana tadi dah? Sampai ke mana dah. Jemput Yang Berhormat. Yang Berhormat dah sebut tak yang Dewan ini ditangguhkan? Ha, oklah siapa sokong? Yang Berhormat...

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan, Kerja Raya dan Kemudahan Awam : Yang Berhormat Dato' Speaker, saya membawa rundingan supaya dewan ini ditangguhkan.

Y.B. Dato' Speaker : Hah, itu saya nak dengar tu.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Tenaga, Air, Komunikasi dan Alam Sekitar : Yang Berhormat Dato' Speaker, saya menyokong rundingan itu.

Jurutulis : UCAPAN TANGGUHAN MESYUARAT.

Y.B. Dato' Speaker : Ahli-Ahli Yang Berhormat, mengikut Fasal Peraturan Tetap 119(5) pihak Jurutulis telah pun menjalankan undian dan keputusannya terdapat 5 orang yang dibenarkan untuk berucap dalam Ucapan Penangguhan. Maka dengan ini, saya mempersilakan Yang Berhormat Dato' Haji Osman bin Haji Sopian, jemput.

Y.B. Dato' Haji Osman bin Haji Sapian (Kempas) : Bismillahirrahmaanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh. Salam sejahtera dan salam 1 Malaysia. Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Speaker serta kawan-kawan Ahli-Ahli Yang Berhormat yang telah memberikan peluang serta kesempatan untuk saya mengambil bahagian dalam Ucapan Penangguhan kali ini.

Tidak terlambat untuk saya mengambil kesempatan dalam ucapan ini bagi mengucapkan Selamat Hari Raya Aidilfitri, maaf zahir dan batin dan salam kemerdekaan yang masih lagi kita sama-sama rayakan waktu ini. Untuk mengambil sempena di hari baik dan bulan baik ini, kita bermaaf-maafan dan mengeratkan lagi tali silaturahim antara kita. Bagi kita yang meraikan sambutan hari kemerdekaan negara Malaysia yang kita cintai bagi tahun yang ke-54. Kita perlulah sama-sama mengeratkan lagi perpaduan kita, bekerja kuat, meletakkan satu matlamat bagi melonjakkan lagi anjakan paradigma pembangunan negara kita ini di masa yang akan datang.

Yang Berhormat Dato' Speaker, kita semua rakyat Malaysia tidak kira asal keturunan, budaya dan agama perlulah menyambut hari kemerdekaan kita ini dengan penuh kesyukuran dan keinsafan walaupun kita baru saja merdeka dalam usia 54 tahun. Tetapi alhamdulillah dengan izin, *thanks god* kita dapat tinggal dalam negara kita ini dengan menikmati pembangunan yang baik, berterusan, aman makmur dan sejahtera. Ini hasil usaha rakyat, pemimpin dan kerajaan perikatan, Barisan Nasional yang diberikan mandat oleh rakyat bagi memerintah negara ini dengan melaksanakan tanggungjawab dan amanah yang baik dan berkesan. Insya-Allah dan mudah-mudahan segala yang baik dan berjaya ini akan dapat diteruskan dan dipertahankan. Ini bukan saja perlu dilaksanakan dan dipertanggungjawabkan semata-mata kepada kerajaan tetapi kepada rakyat untuk sama-sama memberikan sokongan yang jitu kepada kerajaan tanpa waswas. Taat setia kepada negara dan perlembagaan dengan tidak mengabaikan kejayaan, kebebasan dan kemakmuran. Ini demi kepentingan diri sendiri, politik semata-mata sepertimana yang berlaku di setengah-setengah negara contoh seperti Libya, Somalia di mana negara ini berada di kancang perpecahan, peperangan yang tercetus dan pergolakan dalam sesama sendiri akhirnya negara menjadi kucar-kacir, haru-biru, tidak aman, jauh sekali untuk terus berada ke mercu kejayaan dalam abad-abad mendatang. Ini adalah satu contoh yang perlu kita mengambil iktibar.

Untuk membangunkan sebuah negara yang dulunya tidak ada ada-apa selepas dijajah lebih 400 tahun bukan satu perkara yang mudah. Apatah lagi seperti negara Malaysia yang terdiri daripada berbagai-bagai suku kaum, agama dan budaya. Begitu juga untuk kita mencapai kemerdekaan dari penjajah British bukanlah mudah. Banyak pengorbanan jiwa harta yang kita korbakan. Walaupun ini sudah menjadi sejarah tetapi tanpa sejarah apalah erti kita pada hari ini. Itu sebab kita perlu merenung kembali dan menghormati apatah lagi kepada mereka yang telah banyak berjasa demi menuntut kemerdekaan itu. Jangan pula kita menidakkan bahkan mempersendakan pula serta memutarbelitkan hanya semata-mata untuk mencari populariti dan *political mileage* dengan izin. Kita sanggup menjadi orang yang tidak

yang dianggap tidak mengenang budi dan jasa. Pengkhianat bangsa dan kurang ajar, buta sejarah. Kalaulah Mat Indra, Al-Fatihah untuk Allahyarham, masih hidup dia mungkin terkejut kerana dia tidak sangka dirinya jadi kontroversi selepas 60 tahun peristiwa Bukit Kepong. Siapa sangka isu Mat Indra berlarutan begitu lama sejak ceramah yang dibuat oleh Timbalan Presiden PAS di Tasik Gelugor pada 21 Ogos dan jadi berita muka depan akhbar seminggu kemudian. Ia terus jadi sebutan hingga hari ini. Mat Sabu sendiri tidak sangka ceramah...

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat, tak payah sebut nama eh. Sebut Timbalan.

Y.B. Dato' Haji Osman bin Haji Sapian (Kempas) : Terima kasih. Timbalan Presiden PAS itu tidak sangka ceramahnya itu akan menjadi berita besar. Dalam reaksi awal kepada wartawan dia mengaku lupa apa yang dia sendiri katakan kepada Mat Indra dalam ceramah itu. Hanya setelah isu meletup barulah Timbalan Presiden PAS itu cari buku, pengukir nama Johor yang antara lain menceritakan mengenai Mat Indra. Mat Sabu juga mengaku lupa akan rujukan yang dibacanya itu sebelum...

Y.B. Dato' Speaker : Timbalan.

Y.B. Dato' Haji Osman bin Haji Sapian (Kempas) : Besarnya cerita Mat Indra berdasarkan saiz dan tempoh liputan mengalahkan banyak isu-isu lain. Ruang diberi seolah-olah ia terlalu penting bagi semua rakyat Malaysia. Ia bukan sahaja menggegarkan pejabat syarikat akhbar malahan meja ahli akademik. Bukan itu saja pejabat menteri turut digoncang apabila PAS mahu kerajaan tubuhkan jawatankuasa kabinet untuk menulis sejarah kononnya. Dalam kata lain mereka tidak mahu Mat Indra yang diangkat sebagai hero oleh Timbalan Presiden PAS itu terus dianggap pengkhianat tetapi pejuang kemerdekaan yang sebenarnya. Apakah jika gesaan itu dipenuhi, sejarah baru ditulis? Mereka-mereka akan berpuas hati jika Dato' Onn Jaafar dan Tuanku Abdul Rahman yang diiktiraf dalam buku sejarah hari ini terus diiktiraf sebagai pejuang kemerdekaan ataupun mereka mahu tokoh-tokoh itu dilabel sebagai tali barut Inggeris sebagaimana yang disebut oleh Timbalan Presiden PAS itu. Jika tidak, apakah selepas itu akan ada gesaan supaya ditubuhkan jawatankuasa kabinet yang baru untuk menulis sejarah Malaysia yang baru sebagaimana dikehendaki oleh PAS. Termasuk melabel Yusop Rono dan rakan-rakan sebagai petualang yang tinggal tidak bergegar hanya istana Raja-Raja Melayu. Harapnya ia akan terus kekal begitu. Jangan pula raja-raja turut diheret sama untuk mengia atau menidakkan Mat Indra. Cukuplah.

Bagi saya, apa yang dikata oleh Timbalan Presiden PAS itu, pandangan sendiri. Kita masing-masing ada persepsi. Dan ini negara demokrasi. Maka setiap orang bebas memiliki persepsi. Banyak daripada catatan sejarah negara termasuk yang sudah di akademikkan dan di gazetkan sebagai dokumen sejarah harus perdana adalah daripada kajian ahli sejarah zaman kolonial yang bermakna kita mewarisi maklumat sejarah negara kita ini daripada perspektif kolonial. Itulah data yang kita terima sebagai dokumen sejarah tanah air kita. Saya tidak bermaksud kesemuanya namun ada sesetengah asas maklumat yang kita pegang diwarisi daripada penjajah terutamanya *W. Shellburt*, seorang *missionary Christian*. Pada fahaman saya, tentu itu ada sedikit sebanyak kepentingan **Gerakan Shellburt** dititipkan pada apa yang

ditinggalkan. Tambahan pula pejuang Melayu pada zaman kemerdekaan rata-rata alim ulama baca musuh **Shellburt** termasuk Tok Janggut, Abdul Rahman Limbong, Tokku Paloh, Kiai Haji Salleh, Tok Gajah malah Mat Indra sendiri. Setuju ataupun tidak kita harus akui. Saya tidak setuju anggota Polis rumah Pasong, Bukit Kepong dan keluarga mereka terkorban dalam tragedi subuh 23 Februari tahun 1950 itu dihina sebagai tali barut Inggeris. Itu keterlaluan. Namun daripada, namun berpada-pada kita untuk melayan perbezaan pendapat dalam isu ini. Tidak perlulah kita cabar-mencabar, mengajar debat sehingga menghina sesama sendiri. Apalagi ia berlaku pada minggu Aidilfitri. Begitu kuatnya kepentingan politik sehingga kita tinggalkan apa yang di ajar oleh agama.

Mengapa orang kita begitu bersungguh-sungguh berniaga buluh kasap sedangkan yang masuk hanya angin yang keluar itu pula hanya asap. Yang saya akui banyak mendengar dan membaca hal kebaikan Mat Indra terutama mengenai dekatnya dia dengan agama. Malah bergelar Al-Hafiz. Tetapi mustahil dalam hidup sesiapa juga pun kecuali nabi yang kamil ada sisi gelapnya yang tersendiri. Saya kata tidak mustahil bukan menuduhnya secara mutlak. Siapa lagi yang tinggal sebagai saksi hidup untuk membuktikan siapa Mat Indra yang sebenar? Melainkan masing-masing hanya boleh bertegang urat, membawa cerita *hear say*, dengar cakap dengan izin. Maklum *hear say* tidak boleh jadi bukti sama ada untuk mengia atau menafikannya. Akhirnya kita terpaksa akur isu ini telah benar-benar menjadi isu politik. Mat Indra ataupun keluarganya tidak akan mendapat apa-apa kesudahannya. Manakala waris mereka yang terkorban di Bukit Kepong akan berdarah semula luka lama mereka itu sahaja.

Orang politik akan mendapat sedikit nama kerana berani mencabar menyahut cabaran lawan masing-masing. Yang ke bawah sedikit tingkatnya mendapat peluang pergi tepuk belakang kerana konon-kononnya membela bos mereka. Inilah sebenarnya permainan politik dan meletusnya isu Mat Indra, kita dapat melihat dengan lebih jelas wajah mereka yang berkepentingan ini sesudah 54 tahun merdeka. Kita masih berbalah mengenai siapa pejuang siapa petualang. Inilah yang dikehendaki penjajah walaupun pada zahirnya mereka sudah lama keluar dari tanah air kita. Mereka tinggalkan isu ini. Mereka tinggalkan isu untuk kita terus berbalah dan ternyata hingga hari ini masih seperti bidak-bidak di papan catur kuasa asing. Dan mereka yang paling mudah makan umpan ini adalah politikus yang *opportunist* sanggup buat apa sahaja untuk dapat nama dan undi. Jika Somalia yang dianggap negara kelima paling berbahaya di dunia, Malaysia pula mungkin antara negara yang teratas dalam senarai adu domba politiknya, mungkin. Apakah kita tidak terfikir dengan berterusannya permainan seperti ini ataupun jika menjadi lebih dahsyat lagi satu hari nanti mungkin negara kita juga akan jadi Somalia, mungkin.

Y.B. Dato' Speaker : Satu minit lagi Yang Berhormat.

Y.B. Dato' Haji Osman bin Haji Sapian (Kempas) : Terima kasih. Bagi kita yang diamanahkan oleh rakyat, pemimpin kakitangan kerajaan yang setinggi pangkat sehingga ke tahap yang serendahnyanya perlu meletakkan tanggungjawab ini dengan jujur dan ikhlas. Tanpa membuat sesuatu yang boleh memudarat dan membantutkan semuanya ini. Jauhi amalan rasuah. Suka tak suka jangan ada kronolisme, nepotisme, walhal macam-macam lagi perkara yang tidak perlu. Untuk kita terus melihat negara

dan khususnya Negeri Johor kita ini disegani dari kemakmuran, keamanan, peranan semua kakitangan kerajaan adalah amat perlu. Sifat malas bekerja, mengambil kesempatan dari kedudukan yang sedia ada demi kemewahan diri amat-amatlah disanggah. Oleh itu, amalan untuk mempertingkatkan integriti seseorang penjawat dan juga jabatan perlulah ditekankan untuk melihat keberkesanan NKRAnya.

Yang Berhormat Dato' Speaker, pembangunan di Negeri Johor dalam tempoh 15 hingga 20 tahun yang lalu amatlah membanggakan. Sistem infrastruktur, bekalan api dan air, kemudahan kesihatan, pendidikan dan keselamatan, walau pun sudah dikira baik, tetapi banyak lagi perlu dilihat dan dari berbagai sudut untuk ditambah nilai dan mutu. Ini bagi kita, beriring dengan keadaan keperluan yang sofistikated dan pantas dalam, keadaan dunia globalisasi pada hari ini. Sistem perundangan dan dasar-dasar lama, lapuk perlu diubah suai. Dasar Tanah Negeri, Perumahan, Undang-Undang Kecil, Pentadbiran, Kewangan mestilah memfokuskan bagaimana untuk mencari sumber kewangan negeri sejajar dengan perbelanjaan. Mengadakan pakatan pintar dengan jabatan-jabatan yang boleh menghasilkan kewangan dengan lebih kerap. Aset yang beku dan tidak ada pulangan baik serta tidak terurus seperti rumah-rumah kerajaan, quarters, dengan izin, kosong tidak dihuni hasil penswastaan contohnya, perlu dicairkan.

Yang Berhormat Dato' Speaker, Kerajaan Negeri perlu mengawal agar setiap perbelanjaan pihak-pihak PBT, Pihak Berkuasa Tempatan dengan lebih teliti dan semasa. Banyak pembaziran dalam perbelanjaan, pembangunan yang tidak sewajarnya, seiring berlaku, contoh tanam pokok kelapa bawah jambatan dan lain-lain.

Agihan wang zakat dari Baitulmal perlu diselaraskan dengan keperluan semasa. Peringkat dalam bidang sukan perlu diambil berat, bukan sahaja untuk melihat negeri, rakyatnya sihat, tetapi juga untuk meletakkan Negeri Johor ini lebih disegani dengan dapat melahirkan ramai jaguh-jaguh sukan.

Oleh itu, kerajaan perlu mengadakan kemudahan sukan dengan secukupnya khususnya di Bandaraya Johor Bahru. Kekurangan padang-padang untuk bersukan, tempat-tempat riadah, gelanggang-gelanggang tenis, badminton, kolam renang yang baik, amat-amat diperlukan. Kita harap dengan adanya peranan bersama oleh pihak IRDA dan juga Bandaraya Johor Bahru khususnya yang terletak dalam pembangunan Wilayah Pembangunan Iskandar tidak akan berada semata-mata Bandaraya ini cantik, indah tetapi pengisian seperti ini masih di tahap yang kurang memuaskan.

Y.B. Dato' Speaker : Ok, masa dah cukup.

Y.B. Dato' Haji Osman bin Haji Sapian (Kempas) : Yang Berhormat Dato' Speaker, saya tidak hendak mengupas dengan panjang dan lebar, insya-Allah di lain ruang untuk, kalau saya diberikan kesempatan banyak perkara-perkara yang ingin saya sampaikan demi kepentingan dan kebaikan bersama. Dengan itu, saya mengucapkan sekali lagi terima kasih saya mohon, terima kasih.

Y.B. Dato' Speaker : Ok. Yang Berhormat Encik Cheong Chin Liang, jemput.

Y.B. Encik Cheong Chin Liang (Bukit Batu) : Terima kasih Yang Berhormat Dato' Speaker. Salam sejahtera, salam Merdeka dan salam 1Malaysia. Terlebih dahulu ingin saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Speaker kerana memberi peluang kepada saya untuk turut serta dalam ucapan penanggulangan Mesyuarat Kedua bagi Penggal Persidangan Keempat Dewan Negeri Johor Yang ke-12 pada pagi yang mulia ini.

Yang Berhormat Dato' Speaker, Bukit Batu ingin mencadangkan kepada Kerajaan Barisan Nasional, Negeri Johor akan merapatkan lagi hubungan rakyat dengan kerajaan supaya tidak terus dikelirukan dan diperdayakan oleh permainan muslihat politik Pakatan Rakyat yang semakin sempit pemikirannya, memecah-belahkan perpaduan kaum dan mencetuskan isu-isu perkauman. Kalau itulah janji mereka, percayalah, rakyat akan bertindak untuk membalas mereka di pilihan raya umum yang akan datang.

Di sini Bukit Batu ingin bertanya, janji oleh Pakatan Rakyat kononnya mereka akan mengurniakan tanah FELDA kepada anak-anak peneroka khususnya PAS yang mengeluarkan borang-borang permohonan yang di terbit sendiri. Adakah sah? Kalau tidak sah, ini merupakan satu pembohongan yang terbesar dalam sejarah politik kerana ianya merupakan taktik semata-mata untuk memancing undi di kawasan FELDA dan bukannya untuk menyelesaikan masalah rakyat.

Bukit Batu ingin bagi pihak 228 orang penerima tanah FELDA Bukit Batu iaitu generasi kedua FELDA telah dikurniakan tanah untuk tapak rumah mengucapkan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor dan Kerajaan Negeri Johor kerana telah menyampaikan Notis 5A kepada pemohon-pemohon semasa lawatan Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor ke DUN Bukit Batu pada 4 April 2011. Dan, ini membuktikan Kerajaan Barisan Nasional lebih relevan dengan izin, berbanding dengan Pakatan Rakyat yang hanya tahu membuat janji kosong sahaja.

Yang Berhormat Dato' Speaker, bandingkan dengan apa yang berlaku di negeri-negeri Pakatan Rakyat yang memerintah. Jelas kita melihat, Pakatan Rakyat telah membalas budi baik rakyat yang mengundi mereka untuk memerintah negeri-negeri masing-masing dengan berbagai isu-isu yang telah mengetepikan sensitiviti kaum dan juga kepentingan rakyat jelata, yang mana Parti DAP dan Keadilan membiarkan PAS membuat keputusan tersendiri yang membelakangkan aspirasi rakyat yang mungkin akan mencetus ketegangan dan konflik antara kaum di dalam negara kita.

Yang Berhormat Dato' Speaker, balik kepada isu-isu dalam kawasan DUN Bukit Batu pula. Saya mengharapkan kerajaan supaya memberikan peruntukan untuk menaik taraf pembetungan sedia ada yang tidak dapat menampung aliran di Kilometer 44, laluan persekutuan di hadapan Taman Prisma, Kelapa Sawit yang sering banjir berlumpur dan telah menyebabkan seorang mangsa mati di hanyut air dapat dipercepatkan kelulusan untuk projek menaikkan taraf pembetungan, di mana saya telah difahamkan bahawa permohonan telah dimajukan ke Ibu Pejabat JKR untuk mendapatkan peruntukannya.

Yang Berhormat Dato' Speaker, Bukit Batu juga mencadangkan kepada Kerajaan Negeri supaya memberi perhatian terhadap permohonan-permohonan yang telah dikemukakan oleh pihak JKR untuk mengatasi masalah di laluan persekutuan dan laluan negeri dalam Daerah Kulajaya dari Kilometer 28 hingga ke Kilometer 45 dapat diluluskan peruntukan agar dapat mengatasi masalah-masalah jalan raya yang menggugat keselamatan pengguna-pengguna jalan raya.

Bukit Batu juga ingin tahu, bilakah Rang Undang-Undang Pemeliharaan Burung Walet akan dikuatkuasakan di Negeri Johor? Ini adalah disebabkan di dalam kawasan DUN Bukit Batu termasuklah kawasan perumahan dan taman-taman telah wujud banyak bangunan burung Walet yang tidak terkawal dan mendatangkan masalah kacau ganggu, seperti pencemaran bunyi yang terlalu kuat iaitu lebih dari had 40db dan muziknya juga adalah *non stop*, dengan izin dan telah menimbulkan banyak sungutan dari penduduk tempatan. Di mana, setiap kali bunyi untuk menarik burung terlalu kuat dan *non stop*, dengan izin, mereka tentu akan SMS kepada saya untuk meminta pihak penguat kuasa mengambil tindakan terhadap tuan punya bangunan burung Walet tersebut. Oleh itu, saya mengharapkan supaya Kerajaan Negeri dapat mempercepatkan penguatkuasaan Rang Undang-Undang Pemeliharaan Burung Walet yang dapat membantu negeri kita mendapat pengaliran masuk wang asing berbilion ringgit.

Yang Berhormat Dato' Speaker, Bukit Batu juga ingin tahu, bilakah projek pembinaan Balai Polis Kelapa Sawit, Kulai akan siap dilaksanakan? Kerana projek ini telah mengalami kelewatan dalam kemajuan projek secara ketara. Tambahan pula, saya juga ingin mencadangkan kepada pihak yang meluluskan projek supaya dapat memantau pelaksanaan projek ini agar berjalan dengan lancar dan juga bangunan tersebut akan dibina mengikut spesifikasi dan mematuhi mutu kualiti bangunan yang dibina sebelum Balai Polis ini dapat disediakan dan juga digunakan.

Yang Berhormat Dato' Speaker, Bukit Batu percaya bahawa kita semua suka akan benda-benda yang indah, bersih, ceria dan juga *soleh*. Oleh itu, Bukit Batu ingin mencadangkan kepada Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Johor yang mempraktikkan 3K supaya dapat memastikan pelaksanaannya tepat pada masa dan tempat semasa menjalankan kerja-kerja kebersihan, keindahan dan keceriaan dan seterusnya memberikan kepuasan kepada para pelanggannya yang merupakan pembayar cukai kepada Pihak Berkuasa Tempatan yang mengharapkan peningkatan mutu perkhidmatan selaras dengan konsep 3K yang dipraktikkan.

Yang Berhormat Dato' Speaker, Bukit Batu ingin mengulangi teladan pepatah Cina yang telah disebut dalam Dewan yang mulia ini, iaitu *de min xin zhe de tian xia* dengan izin, iaitu "sesiapa yang memenangi hati rakyat, dia akan mendapat kuasa pemerintahan". Bukit Batu menaruh harapan besar supaya usaha yang dipraktikkan oleh Kerajaan Negeri Barisan Nasional untuk menyatupadukan rakyat berbilang kaum demi mencapai aspirasi bagi melahirkan rakyat Malaysia yang berwibawa, dihormati dan bersesuaian dengan identiti sebagai sebuah negara, bangsa yang maju dan berjaya akan tercapai. Itulah ucapan saya, sekian, terima kasih.

Y.B. Dato' Speaker : Ok. Yang Berhormat Tuan Haji Adam bin Sumiru, jemput.

Y.B. Tuan Haji Adam bin Sumiru (Tanjung Puteri) : Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh, salam hormat, salam sejahtera dan salam 1Malaysia. Terlebih dahulu saya berterima kasih. Terima kasih saya ucapkan kepada Yang Berhormat Dato' Speaker kerana mengizinkan saya membacakan Ucapan Tangguhan Mesyuarat Kedua Persidangan Keempat Dewan Negeri Johor Kali yang Ke-12 pada kali ini.

Terlebih dahulu, saya juga berterima kasih kepada Allah S.W.T. yang mana dengan limpah kurniaNya maka kita semua diberi kesihatan, kebahagiaan di samping keluarga dan dapat menyambut Hari Raya Aidilfitri dalam keadaan negara yang aman lagi tenteram pada masa ini. Begitu juga kita menyambut Hari Kemerdekaan Negara pada 31 Ogos 2011 dalam bulan Syawal 1432 Hijrah.

Saya juga berterima kasih kepada Kerajaan Barisan Nasional yang menerajui Kerajaan Negeri Johor kerana banyak membantu saya selaku Wakil Rakyat dan seluruh rakyat dalam kawasan Dewan Undangan Negeri N44 Tanjung Puteri selama lebih kurang 3 tahun ini.

Di dalam kawasan saya banyak perubahan telah dilakukan kepada sistem infrastrukturnya terutamanya kepada projek-projek berkenaan jalan raya seperti di Jalan Tampoi daripada Kompleks Angsana hingga ke Simpang Tiga Jalan Tebrau sedang dinaikkan taraf kepada 4 lorong. Dengan 2 persimpangan bertingkat yang mana apabila siap nanti akan memberi keselesaan kepada pengguna jalan raya. Simpang bertingkat pertama adalah di simpang Jalan Tampoi, Jalan Datin Halimah dan yang kedua di Simpang Tiga di Jalan Tebrau, Jalan Tampoi adalah salah satu jalan penting bagi urusan perdagangan untuk pengangkutan kepada pengilang-pengilang dalam kawasan industri Larkin dan juga menjadi jalan perhubungan kepada industri di kawasan Tebrau dan yang persekitaran dengannya. Di dalam jalan, eh, di antara Jalan Skudai dengan Jalan Tun Razak pula bersebelahan dengan DUN Pengkalan Rinting sedang rancak dibina simpang bertingkat menuju ke Kota Iskandar iaitu Bandar Nusajaya, dijangkakan Jalan Skudai menuju ke persimpangan Jalan Perling dan lebuh raya ke Pasir Gudang akan kurang kesesakannya apabila projek ini siap kelak.

Walau bagaimanapun masalah kesesakan jalan raya dalam kawasan saya masih ada lagi yang perlu diperhatikan. Seperti laluan daripada pusat bandar ke Jalan Kebun Teh sering sesak apabila waktu puncak kerana kenderaan terpaksa menggunakan jalan alternatif atau jalan sampingan iaitu Jalan Kebun Teh Lama kemudian bersesak-sesak di simpang Jalan Abad Baru ke Jalan Kebun Teh. Sepatutnya jalan masuk dari pusat Bandar raya ke Kebun Teh ini sudah dibina terus sahaja tanpa kena menempuh simpang-simpang alternatif ini.

Seterusnya 3 batang jalan yang sering sesak kerana tidak dilebarkan adalah jalan-jalan yang melintasi rel kereta api iaitu di Jalan Abad, Jalan Kebun Teh dan Jalan Dato' Mohd Said Sulaiman atau Jalan Dewata, Larkin. Saya difahamkan Projek Laluan Berkembar Kereta api dari Utara ke Selatan ini dikatakan akan berhenti di Stesen

Kereta Api Kempas sahaja. Oleh yang demikian, pihak manakah yang akan membuat pelebaran kepada jalan-jalan yang saya maksudkan ini.

Saya mohon Kerajaan Negeri tidak terlepas pandang perkara ini dan segera kaji seterusnya melebarkan jalan tersebut dengan kadar segera. Perihal jalan raya dalam DUN saya yang sudah saya kemukakan maka saya juga ingin membawa sedikit lagi masalah yang lain dalam kawasan saya. Iaitu saya ada mencadangkan agar Bangunan Stadium Dato' Haji Hassan Yunus yakni Stadium Larkin supaya diserahkan pemilikan tanahnya kepada Perbadanan Stadium Johor agar perjalanan pengurusannya lebih lancar dan efisien. Dan dalam masa yang sama generasi muda yang sentiasa memerlukan tempat bersukan mengharapkan agar Bangunan Kompleks Sukan Larkin yang satu-satunya ada dalam DUN Tanjung Puteri dalam Bandar raya Johor Bahru dinaikkan taraf dan juga dikekalkan.

Pandangan pihak swasta yang mana mengatakan tanah-tanah kerajaan yang strategik bernilai tinggi sekiranya dimajukan dengan pembangunan komersial mestilah ditolak oleh pihak Kerajaan Negeri. Sekiranya ada permohonan untuk memajukan tanah kerajaan pada masa akan datang, kerajaan dicadangkan supaya mendapat pandangan Wakil Rakyat dan masyarakat setempat terlebih dahulu sebelum meluluskannya.

Oleh yang demikian, saya mencadangkan pemilikan tanah dan bangunan Stadium Larkin hendaklah dipindahkan kepada Perbadanan Stadium Larkin agar perjalanan penstrukturan dan pengurusan stadium akan lebih lancar dan penggunaannya akan lebih efektif kepada masyarakat.

Semasa ura-ura pembinaan laluan kereta api berkembar dari Utara ke Selatan, maka semua penduduk di setinggan dalam kawasan tanah Keretapi Tanah Melayu telah dipindahkan. Di dalam jajaran DUN Tanjung Puteri sahaja seramai 500 penduduk dipindahkan secara sementara di Tanah Keretapi Tanah Melayu Kempas yang diberi nama Rumah Sementara Taman Sinaran Kempas. Sudah sampai masanya Kerajaan Negeri pada masa ini memindahkan penduduk-penduduk ini kembali semula ke kawasan dalam parlimen Johor Bahru terutamanya ke DUN Tanjung Puteri, dengan membina dan menyediakan rumah kos rendah seberapa banyak yang mungkin untuk dijual kepada mereka dan dipastikan rumah-rumah tersebut hendaklah dibina di dalam kawasan Larkin yakni di dalam DUN Tanjung Puteri.

Kebiasaannya apabila disebut Penguatkuasaan Undang-Undang, maka kita akan terbayang uniform berwarna biru gelap dengan lambang di topinya. Tetapi di Bandaraya Johor Bahru ianya sedikit berbeza dan masyarakat kadang-kadang keliru kerana penguatkuasaan, Penguat kuasa Majlis Bandaraya Johor Bahru uniformnya berwarna oren. Sering kali mereka ini disalah anggap dengan pandangan seperti pekerja pembersihan jalan atau kontrak binaan kerana warna oren ini diguna untuk kebiasaannya untuk keselamatan. Saya berharap pihak MBBJ gunakan warna yang biasa dan sesuai dengan kerja penguatkuasaan.

Kepada semua PBT, saya berharap aduan kerosakan atau permasalahan dari rakyat yang dibawa oleh Ahli-Ahli Majlis hendaklah dilaksanakan secepat mungkin. Ahli Majlis

di setiap PBT juga sebagai Wakil Rakyat di peringkat ketiga dan terus berhadapan dengan masyarakat bawahan, maka sudah pasti sekiranya pelaksanaan tugas oleh PBT menjadi ukuran kepada kewibawaan pentadbiran PBT tersebut. Janganlah menunggu pihak Wakil Rakyat atau pihak media keluarkan berita di TV atau surat khabar baru nak laksanakan kerja.

Akhir kata, saya berharap Kerajaan Johor yang ada pada hari ini iaitu Kerajaan Barisan Nasional kekal memerintah dan dapat memberi khidmat cemerlang kepada masyarakat hingga bila-bila masa. Sekian, wabillahi taufik walhidayah, wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Y.B. Dato' Speaker : Waalaikumsalam. Yang Berhormat Puan Murukasvary a/p S. Thanarajah, jemput.

Y.B. Puan Murukasvary a/p S. Thanarajan (Tenggaroh) : Salam sejahtera dan salam 1Malaysia. Terima kasih Yang Berhormat Dato' Speaker kerana mengizinkan saya untuk berserta dalam Ucapan Penangguhan dalam Mesyuarat Kedua bagi Penggal Persidangan Keempat Dewan Negeri Johor Yang Ke-12. Kerajaan di bawah pimpinan Yang Amat Berhormat Dato' Seri Najib Tun Razak begitu telus dan komited untuk melaksanakan transformasi perkhidmatan kerajaan yang bertaraf tinggi untuk semua rakyat Malaysia. Pada 27 Julai 2009, beliau telah mengumumkan indeks prestasi utama 6 bidang keberhasilan untuk negara yang merangkumi usaha bagi mengurangkan kadar jenayah dan memerangi rasuah. Kini PDRM telah mencatatkan kejayaan dalam mengurangkan kedua-dua gejala ini.

Bidang-bidang di bawah NKRA yang lain seperti pendidikan berkualiti dan berkemampuan untuk semua meningkatkan taraf hidup rakyat berpendapatan rendah, memperkasa prasarana luar Bandar serta kawasan pedalaman menambah baik pengangkutan awam telah mencatatkan kejayaan. Kini kampung pedalaman di kawasan saya telah di naik taraf dengan pembinaan jalan kampung bertar dan dengan adanya air paip.

Sewaktu NKRA diputuskan kira-kira 2 tahun yang lalu, ia berdasarkan kepada kehendak rakyat. Pada ketika itu tidaklah terdapat fenomena global mengenai kenaikan harga barang terutama makanan. Selepas mendapat, mendapati fenomena itu menjadi isu utama di kalangan rakyat terutama golongan berpendapatan rendah kerajaan telah mengorak langkah untuk memberi kelegaan kepada rakyat dan dengan itu memutuskan menambahkan satu lagi NKRA.

Inisiatif kerajaan untuk menubuhkan Klinik 1Malaysia serta Kedai Rakyat 1Malaysia adalah sesuatu yang boleh dibanggakan. Usaha mewujudkan bidang keberhasilan utama negara ke-7 khusus untuk memerangi kos kehidupan ini memang wajar dan tepat. Bantuan dalam bentuk subsidi barang-barang makanan mesti diteruskan. Kerajaan juga perlu melihat dan menangani masalah kenaikan bil elektrik dan merupakan satu beban kepada golongan berpendapatan rendah. Komitmen kerajaan dalam perkara-perkara ini sudah tentunya akan menjamin kesejahteraan rakyat.

Yang Berhormat Dato' Speaker, di kebanyakan negara, mengundi merupakan perkara yang wajib dilakukan apabila tibanya Pilihan Raya Umum. Kegagalan mengundi boleh menyebabkan seseorang itu disabit kesalahan kerana melanggar undang-undang. Di negara kita, kita tidak mempunyai perundangan sedemikian sebaliknya masyarakat Malaysia yang boleh mengundi disarankan berbuat demikian semasa pilihan raya. Rakyat Malaysia yang mempunyai hak mengundi tidak dipaksa untuk menjalankan tanggungjawab serta diwajibkan mereka sebagai pengundi. Dalam hal ini, pihak kerajaan telah mewujudkan kaunter-kaunter daftar mengundi bagi memudahkan masyarakat yang telah mencapai umur untuk mengundi serta sesiapa sahaja yang telah melebihi umur tersebut tetapi masih belum didaftarkan. Kaunter-kaunter ini telah diwujudkan di tempat-tempat strategik yang boleh dikunjungi masyarakat dengan mudah.

Kini, borang pendaftaran pengundi boleh didapati melalui Internet bagi memudahkan tugas-tugas pendaftaran ini. Selain itu, berhubung dengan pengundi dan pendaftar pemilik, terdapat juga saranan untuk menurunkan umur kelayakan mengundi dari 21 tahun kepada 18 tahun. Pada pendapat saya kelonggaran ini akan menambahkan lagi bilangan pengundi dan memberikan peluang kepada pengundi-pengundi muda dan baru ini untuk melaksanakan tanggungjawab mereka kepada negara. Tambahan itu, mereka ini juga akan didedahkan kepada sistem demokrasi negara kita. Golongan muda mudi perlu berkecimpung untuk memahami arena politik negara sendiri kerana ini akan melahirkan rasa tanggungjawab kepada sistem demokrasi serta sistem kerajaan berparlimen yang dipraktikkan di negara kita. Pemahaman konsep-konsep ini akan meningkatkan tahap kematangan golongan ini dan mereka ini juga berpeluang untuk mengutarakan pandangan dengan cara berdemokratik. Selain dari berhak untuk memilih kerajaan yang boleh membela nasib mereka. Akhir kata, saya sudahi dengan ucapan terima kasih.

Y.B. Dato' Speaker : Ha, bagus. Yang Berhormat Datuk Ir. Hasni bin Mohamad, jemput.

Y.B. Datuk Ir. Hasni bin Mohamad (Benut): Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Salam Aidilfitri, salam sejahtera. Terima kasih Yang Berhormat Dato' Speaker. Terlebih dahulu setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih di atas kesempatan yang telah diberikan untuk turut mengambil bahagian dalam Ucapan Penangguhan pada Persidangan kali ini. Terlebih dahulu saya ingin mengambil peluang mengucapkan Selamat Hari Raya Aidilfitri Maaf Zahir Batin dan salam kemerdekaan kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat dan hadirin yang dihormati sekalian. Kita mengucapkan syukur setelah 54 tahun mengacapi kemerdekaan dan saya percaya tidak seorang pun yang berada dalam Dewan ini yang bersetuju kalau sesiapa yang menyokong komunis dianggap turut berjasa dan membawa kebaikan kepada negara kita. Hanya pemimpin dan pengikut yang tidak waras dan yang hilang pertimbangan sahaja yang akan beranggapan sedemikian.

Saya ingin menyarankan agar pucuk pimpinan di Negeri Johor khasnya tidak akan memberi ruang kepada mereka untuk mendapat publisiti murahan, dengan taktik mereka yang tidak langsung dapat memberikan sebarang faedah kepada masyarakat dan masa depan negara kita. Tentunya Yang Berhormat Dato' Speaker dan juga Datuk Timbalan Speaker, kalau saya katakan nama Indera ini memang

kontroversi. Di kesempatan itu Yang Berhormat Dato', saya ingin membangkitkan dan mencadangkan dua perkara kepada Kerajaan Negeri, yang mana saya berpendapat ianya perlu dan dapat menambah baik lagi keberkesanan peranan Kerajaan Negeri membangunkan Negeri Johor yang tercinta ini.

Pertama, saya ingin menyentuh beberapa aspek dalam penguatkuasaan Akta 672, Pengurusan Sisa Pepejal dan Kebersihan Awam 2007 dan kedua bersabit dengan Penjanaaan Kuasa Elektrik, bagi memenuhi permintaan pengguna khususnya di dalam pembangunan Kota Iskandar.

Penguatkuasaan Akta 672 Yang Berhormat Dato' Speaker, iaitu Pengurusan Sisa Pepejal dan Kebersihan Awam 2007 telah ditetapkan penguatkuasaannya pada 1 September 2011 baru-baru ini. Akta 672 menjelaskan kepada kita konsep 3R, *reduce*, *reuse* dan *recycle* dengan izin, yang mana ianya akan menjamin penguatkuasaan yang berkesan dan kaedah pengurusan yang jelas yang dapat mematuhi peraturan dan piawaian. Pihak kerajaan juga ingin memastikan dengan pelaksanaan Akta 672 ini, maka pengurusan sisa pepejal dan kebersihan awam dapat dilaksanakan dengan lebih teratur dan bersepadu melalui syarikat konsesi yang dilantik. Perjanjian konsesi adalah untuk tempoh 22 tahun di mana, perjanjian akan dikaji semula setiap 7 tahun setelah disemak prestasi syarikat konsesi berdasarkan KPI yang ditetapkan. Dengan berkuat kuasanya akta tersebut, maka di peringkat daerah pejabat pengurusan Perbadanan Sisa Pepejal dan Kebersihan Awam telah dibuka.

Yang Berhormat Dato' Speaker, saya ingin menarik perhatian Dewan berkaitan syarikat-syarikat konsesi yang dilantik dan peranan-peranan pihak-pihak yang berkaitan bagi kesempurnaan pelaksanaan Akta 672 ini.

1. Tempoh 7 tahun semakan, saya berpendapat adalah terlalu lama. Siapakah yang bertanggungjawab dalam menentukan KPI syarikat konsesi? Sebagai contoh, Majlis Daerah Pontian, selama ini telah menetapkan pungutan sampah di rumah-rumah kediaman adalah setiap hari. Tapi syarikat konsesi akan memungut sampah sebagaimana perjanjian konsesi hanya tiga kali seminggu. Adakah setakat itu keupayaan syarikat konsesi?

Alhamdulillah, bagi kawasan komersil dan tempat-tempat makan awam, jadual pungutan adalah lebih kerap. Walaupun Pontian tidak mempunyai kediaman pangsapuri atau kondominium, tapi saya percaya bahawa tempat-tempat lain menaruh kebimbangan yang mana Management Corporation kediaman tersebut, kesediaan mereka dipertikaikan khususnya kondo-kondo yang lama, syarikat konsesi akan meletakkan kontena yang lebih besar sebagaimana dinyatakan dalam perjanjian konsesi. Maka sekiranya Management Corporation gagal dan jadual pungutan pula bukan setiap hari dengan kontena meletak sampah yang lebih besar tentu kesannya adalah lebih buruk.

2. Sampah akan terkumpul selepas itu ianya akan dipungut oleh pihak syarikat konsesi dan selepas itu, adakah kita bersedia dengan tapak-tapak pelupusan yang diperlukan. Jangka panjang kita perlukan *incinerator*, kita perlukan

sanitary landfill dengan izin dan lain-lain teknologi dalam pengurusan sisa pepejal. Sudahkah kita bersedia untuk fasa kedua berkenaan?

Yang terhormat Dato' Speaker, maka itulah sebabnya saya bangkitkan isu 7 tahun semakan konsesi agar kita dapat jelaskan kepada rakyat dengan tepat. Pungutan cukai pintu akan dilaksanakan oleh pihak Kerajaan Tempatan. Dan, syarikat konsesi akan dibayar perkhidmatan mereka oleh Majlis-Majlis Daerah dan Perbandaran berkenaan. Syarikat konsesi diharapkan tidak menjadikan kelewatan pembayaran kepada mereka sebagai alasan untuk tidak memberikan perkhidmatan yang baik.

Yang terhormat Dato' Speaker, Negeri Johor khususnya di kawasan pembangunan Kota Iskandar pesat membangun. Dari segi pelaburan, kita mendapat respons yang amat menggalakkan. Dalam tempoh 10 tahun ke hadapan, kita tentunya dapat melihat perubahan yang ketara berlaku yang mana keperluan bekalan elektrik akan meningkat. Dengan pembangunan mega Kota Iskandar yang dirancang, maka wajar kita terus memperjuangkan aspek-aspek alam sekitar dalam masa yang sama. Pendekatan teknologi hijau sebagai contoh haruslah kita berikan keutamaan. Saya ingin mengesyorkan kepada Kerajaan Negeri agar Negeri Johor ke hadapan, ke hadapan dalam memperjuangkan penggunaan nuklear sebagai sumber bagi penjana tenaga elektrik. Ianya paling bersih kepada alam sekitar dan jangka panjangnya turut ekonomik.

Walaupun Negeri Johor telah mendapat pelaburan untuk pembangunan sebagai contoh *solar farm*. Tetapi, dengan kenaikan harga petrol, gas, diesel dan lain-lain sumber asli yang diperlukan dalam industri pengeluaran tenaga elektrik, maka berkemungkinan *mini nuclear power reactor* dengan izin, yang dibina di bawah tanah yang sedang dibangunkan oleh negara-negara pengeluar teknologi wajar dipertimbangkan. Kerugian yang terus-terusan ditanggung oleh syarikat utiliti dalam negara sememangnya berlaku termasuk TNB. Dalam laporan penggal ketiga tahun ini telah melaporkan kerugian mencecah ratusan juta. Tentunya usaha kerajaan untuk mengurangkan bebanan subsidi dalam penyediaan bekalan elektrik perlu kita sokong. Untuk itu, maka perlulah pendekatan baru kita perjuangkan lebih-lebih lagi kalau ianya bukan hanya dapat membekalkan tenaga elektrik yang kita termampu malah turut menyumbang kepada alam sekitar yang lebih bersih. Cadangan menggunakan *mini nuclear reactor* bawah tanah bukanlah cerita rekaan. Menurut kenyataan Profesor Richard Lester, Ketua Dekan Fakulti Sains Nuklear dan Kejuruteraan dari MIT bahawa syarikat NuScale Power di Amerika dan syarikat dan Toshiba bersama Institut Penyelidikan Utama Industri Tenaga Elektrik Jepun telah pun mengeluarkan produk berkenaan yang mampu menjana tenaga elektrik sehingga 45 megawatt. Ianya selamat digunakan dengan pengeluaran karbon yang amat rendah serta kos pembinaan yang kompetitif yang boleh menjadi asas kepada pengurangan beban kewangan kerajaan. Itu satu Yang Berhormat Dato' Speaker, satu 45 megawatt, sepuluh 450 megawatt. Lebih besar daripada penjana tenaga elektrik di Tanjung Bin.

Yang Berhormat Dato' Speaker, wajarlah satu konvensyen nasional malah konvensyen antarabangsa mungkin dapat dianjurkan oleh Kerajaan Negeri bagi membincangkan pembangunan teknologi nuklear untuk penjana tenaga elektrik di Negeri Johor.

Malah saya mencadangkan satu jawatankuasa khas dibentuk oleh Kerajaan Negeri atas Maksud yang dinyatakan. Saya percaya Negeri Johor berada di landasan yang kukuh untuk terus maju dan membangun. Seorang pemimpin nyanyuk dari negara jiran dalam bukunya *Lee Kuan Yew : The Hard Truth* jelas membayangkan negara kita dan Negeri Johor hanya akan menjadi jiran yang menyusahkan mereka dan kita tidak boleh dipercayai. Masa ke hadapan kita perlu buktikan bahawa Johor, Malaysia adalah negeri dan negara yang baik sebab itu kita perlu buktikan, sebab itu rakyat asing yang datang, kita perlu buktikan melalui rakyat asing yang datang dan bekerja di Malaysia telah mencecah jutaan sebagai bukti bahawa kita adalah sebuah negeri dan negara yang aman dan makmur.

Yang Berhormat Dato' Speaker, sekian sahaja dan saya akhiri dengan ucapan terima kasih.

Y.B. Dato' Speaker : Terima kasih Yang Berhormat. Dah habis ucapan. Ada apa-apa pihak kerajaan? Ok, kalau tak ada apa, saya ucapkan terima kasih. Saya juga sebelum ditangguhkan mengambil kesempatan untuk mengucapkan selamat hari raya, maaf zahir dan batin. Yang kedua, semua dif-dif jemputan, Ahli-Ahli Yang Berhormat, Ketua-Ketua Jabatan yang hadir dalam Dewan ini atau yang dengar suara saya dijemput ke majlis jamuan hari raya makan tengah hari. Semua sekali dijemput hadir, disediakan bermacam-macam juadah. Dan insya-Allah kita akan jumpa lagi sekiranya tak ada Pilihan Raya mengejut.

Ahli-Ahli Yang Berhormat, Dewan ini ditangguhkan ke satu tarikh yang akan ditetapkan kemudian.

Persidangan ditangguhkan pada jam 12:15 tengah hari.

PEGAWAI-PEGAWAI BERTUGAS:

Jurutulis

Tuan Haji Mohd. Halim bin Hasbullah

Penolong Jurutulis

Encik Abd. Azim bin Samsudin

Kordinator

Encik Abdul Rahman bin Mohd. Yusof

Setiausaha Pejabat

Puan Asiah binti Moklis

Pembantu Penerbitan

Puan Malina binti Mohd. Nasir
Puan Noraisah binti Mohd. Yusof
Encik Ariff bin Abu Bakar

Pembantu Tadbir

Puan Hanita binti Mohamed

Pembantu Am Pejabat

Razine bin Sulaiman
Encik Mohd. Hassan bin Jamian
Encik Norhayadi bin Hussien
Encik Muhamad Khirunizam bin Pahmi

Setiausaha Pejabat

Puan Saniah Kassim
Pejabat Pengarah Tanah dan Galian Johor

Puan Azlin binti Bahrin
Pejabat Pengarah Kerja Raya Negeri Johor

Puan Junaidah binti Paing
Pejabat Pengarah Perancang Bandar dan
Desa Negeri Johor

Puan Zahiti binti Muhammad Hamdi
Pejabat SUKJ Cawangan Kerajaan Tempatan

Puan Siti Rojimah binti Abd. Razak
Pejabat Pengarah Jabatan Pengairan dan Saliran

Puan Suriati binti Abdul Hajar
Pejabat Y.B. Pegawai Kewangan Negeri

Puan Rumiah binti Semirono
Pejabat SUKJ Cawangan Perumahan

Puan Nurzamila binti Sapie
Pejabat Bendahari Negeri Johor

Puan Nurul Ain binti Zainal Abidin
Pejabat Timbalan Pegawai Kewangan Negeri Johor

Puan Norliza binti Md. Aris
Pejabat Jurutulis Dewan Negeri Johor

Puan Noor Dalilah binti Dahalan
Pejabat Timb. Pengarah (Operasi)
Jabatan Agama Islam Negeri Johor

Rakaman

Encik Nor Risam bin Esa
Jabatan Penerangan Negeri Johor

**PEJABAT DEWAN NEGERI
JOHOR**

21 September 2011